PERCUMA

# buletin Mutiara

16 – 30 November 2011




*Salam Maal Hijrah buat semua umat Islam Pulau Pinang. 1 Muharram 1433H.*

# Kerajaan Pakatan Rakyat P. Pinang
# Bajet Berjiwa Rakyat 3M 2012

**Martabatkan Rakyat, Mesra Perniagaan, Mantapkan Kedudukan Kewangan**

## Kurangkan Hutang Negeri




Mac 2008: RM630 juta

**Sept 2011: RM29 juta**

Pengurangan RM600 juta atau 95% dalam 3½ tahun, terbaik di Malaysia

## Pelajar Emas & IPTA Emas



**RM100 setahun** untuk pelajar emas di sekolah Tahun 1 & 4 dan Tingkatan 1 & 4

**RM1,000** *'one-off'* kepada mahasiswa/ mahasiswi IPTA, jika pendapatan keluarga kurang daripada RM4,000 sebulan

## Membasmi Kemiskinan Tegar



Negeri pertama di Malaysia yang berjaya membasmi kemiskinan tegar

Pedapatan minima ditambah kepada RM600 untuk memastikan setiap keluarga dapat RM600 sebulan

Sasaran menghapuskan kemiskinan menjelang 2015

## Bantuan Pendidikan



**RM12 juta setahun** untuk sekolah-sekolah bantuan modal termasuk Sekolah Agama Rakyat (SAR), sekolah-sekolah Cina, Tamil dan Mubaligh

## Menjaga Kebajikan Rakyat



- **RM100 setahun** untuk warga emas
- **RM100 setahun** untuk OKU
- **RM100 setahun** untuk ibu tunggal
- **RM1000** *'one-off'* untuk waris bagi urusan jenazah

## Menjunjung Islam Sebagai Agama Rasmi



**RM64 juta**

- Tanah untuk pembesaran perkuburan Islam dan pembangunan Sekolah Agama Rakyat
- Elaun Pegawai Masjid, Guru Kafa dan para Huffaz
- Sumbangan Ehya' Ramadhan
- Program-program kebesaran Islam

## Penghargaan Anak Emas



RM100 *'one-off'* kepada semua anak kelahiran pemilih Pulau Pinang mulai 1hb Januari 2011

Dirumuskan oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

# Belanjawan Sejahtera Pakatan Rakyat 2012

**PEMBENTANGAN** Belanjawan Sejahtera 2012 oleh Ketua Oposisi, Datuk Seri Anwar Ibrahim di ibu negara 4 Oktober lepas antara lain memberi tumpuan pada langkah mengurangkan defesit serta hutang negara di samping membantu rakyat mengharungi kos hidup yang kian tinggi.

Unjuran defesit tahun 2011 mencecah 6 peratus dari Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan belanjawan defesit Barisan Nasional ini telah masuk tahun ke-13 berturut-turut berbanding Belanjawan Sejahtera 2012 berjumlah RM220 bilion.

Belanjawan Sejahtera 2012 mengurangkan defesit ke paras 4.4 peratus atau menjimatkan RM14 bilion jika dibandingkan dengan Bajet 2012 yang dibawa oleh kerajaan pusat Barisan Nasional.

Belanjawan Sejahtera 2012 ini akan memberi 20 peratus nilai tambah berganda dan manfaat secara langsung kepada rakyat terbanyak yang memerlukan, bukan mana-mana kroni.

Maqasid di sebalik belanjawan kali ini antaranya Pakatan Rakyat komited memerangi amalan rasuah, pembaziran dan penyelewengan supaya rakyat mendapat lebih banyak manfaat dari hasil kekayaan negara. Untuk itu, agenda mereformasi politik menjadi salah satu dari lima asas utama belanjawan kali ini.

**Apakah manfaat yang rakyat dapat?**

- Sekiranya Pakatan Rakyat diberi peluang membentuk kerajaan pusat yang baru, antara lain memberi jaminan bahawa harga minyak dan barangan tidak akan naik melalui pengekalan subsidi sebanyak RM22 bilion tahun depan.
- Belanjawan Sejahtera 2012 akan memberi manfaat kepada 20 peratus nilai tambah kepada kira-kira 28 juta rakyat Malaysia meliputi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.
- Belanjawan ini akan membela 40 peratus rakyat yang berpendapatan isi rumah di bawah RM1,500 sebulan. Bumiputera dan Melayu paling banyak mendapat manfaat kerana mereka adalah tiga per empat dari golongan berkenaan.
- Warga emas berpendapatan RM18,000 setahun layak menerima RM1,000 melalui peruntukan khas RM1.7 bilion.
- Setiap suri rumah yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak berusia di bawah 18 tahun layak menerima RM1,000 demi mengurangkan bebanan keluarga dan menggalakkan budaya menabung melalui Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP). Sebanyak RM2 bilion diperuntukan untuk menghargai kaum wanita berkenaan.
- Golongan miskin tegar turut dibela melalui bayaran tambahan sekurang-kurangnya RM550.
- Itu, belum masuk bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat yang dinaikkan ke RM550 sebulan dari kadar sedia ada, iaitu RM300 sebulan kepada mereka yang layak.
- Kira-kira 300,000 kakitangan awam akan menikmati gaji minima RM1,100 setiap bulan kerana Pakatan Rakyat komited melaksanakan tuntutan gaji minima berkenaan. Purata kenaikan gaji pekerja dalam sedekad ini kira-kira 2.6 peratus sahaja. Anggaran Bank Dunia pula mendedahkan 34 peratus dari kaum pekerja Malaysia dibayar gaji di bawah kadar RM700 sebulan.
- Setiap guru yang bertungkus-lumus mendidik anak Malaysia turut dihargai melalui sumbangan RM500 sebulan sebagai elaun pendidikan.
- RM1.3 bilion peruntukan tambahan disumbangkan bagi menambah baik skim latihan vokasional dan teknik di semua peringkat, di samping menaik taraf kursus ijazah sedia ada supaya berorientasikan universiti teknikal.
- RM1 bilion peruntukan tambahan disumbangkan bagi projek perumahan awam melalui pelaksanaan skim "bina dan jual" supaya mengelak rakyat dari menghadapi masalah rumah terbengkalai. Sistem payung dan konsesi dihapuskan dengan proses penganugerahan lesen-lesen secara terus kepada rakyat yang memohon.

**BAGAIMANA RAKYAT PALING BANYAK MENDAPAT MANFAAT INI?**

Sehingga 30 September lepas, Laporan Bank Negara mendedahkan jumlah hutang negara mencecah RM437 bilion dan unjuran keberhutangan negara mencecah 53 peratus dari KDNK 2011 berbanding 42 peratus dari KDNK 2007 lepas.

Sehingga akhir tahun lepas sahaja, hutang isi rumah rakyat Malaysia mencecah RM577 bilion atau 77 peratus dari KDNK berbanding 33 peratus dari KDNK 2007.

Unjuran defesit negara pula hampir mencecah 6 peratus bagi tahun ini walaupun Perdana Menteri pada belanjawan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) lepas berjanji mengurangkan defesit ke kadar 5.2 peratus sahaja.

Semua ini boleh ditangani secara berperingkat kerana Pakatan Rakyat komited menolak amalan rasuah, pembaziran, kronisme serta melaksanakan projek-projek pembangunan yang mengutamakan rakyat terbanyak sahaja.

Jika Pakatan Rakyat diberi peluang membentuk kerajaan pusat serta melaksanakan Belanjawan Sejahtera 2012 ini, rakyat akan melihat :

- RM14 bilion akan diselamatkan berbanding Bajet 2012 Barisan Nasional yang bernilai RM234 bilion.
- Sektor perkhidmatan Petroleum yang kini dikuasai oleh syarikat anak bekas Perdana Menteri, iaitu gabungan Kenchana Petroleum dan SapuraCrest bernilai kira-kira RM12 bilion akan dinilai semula untuk manfaat rakyat.
- Perbelanjaan kerajaan Pakatan Rakyat dikawal, berjimat cermat, anti rasuah dan penyelewengan supaya rakyat tidak dibeban dengan cukai yang lebih. Rancangan Kerajaan Barisan Nasional mahu melaksanakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sekaligus boleh dielakkan secara bersama.
- RM10 bilion boleh disalurkan pada kementerian-kementerian yang melaksanakan program menguntungkan rakyat terbanyak melalui usaha semula memotongan belanjawan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang didakwa berbelanja mewah sebelum ini.
- Kira-kira RM12 bilion boleh diselamatkan melalui komitmen kerajaan Pakatan Rakyat untuk melelong lesen import (AP) secara terbuka, bukan secara kronisme sebagaimana yang diamalkan oleh kerajaan Barisan Nasional sekarang.
- Kerajaan Pakatan Rakyat komited melaksanakan polisi tender terbuka dengan memberi jaminan peluang dan hak kepada Malayu Bemuputera dan bukan Melayu yang benar-benar berwibawa untuk bersama-sama kerajaan Pakatan Rakyat membangunkan negara.
- Kerajaan Pakatan Rakyat komited menyemak semula kontrak tertutup dalam pembelian senjata oleh Kementerian Pertahanan demi memperkasa keselamatan dalaman dan luaran negara, termasuk pembelian kapal selam Scorpene sebelum ini.
- Pakatan Rakyat komited memaksimakan pendapatan negara dengan mengutip hutang-hutang tertunggak dari penyelewengan yang membabitkan dana dan aset negara.
- Pakatan Rakyat komited membatalkan cukai-cukai eksais dan duti seperti beg tangan, seluar dalam berjenama dan barang-barang di bawah ketegori ini yang hanya menguntungkan golongan terkaya. Cukai berpatutan pada barangan berkenaan mampu memperkemas kewangan negara.
- Pakatan Rakyat juga komited menguat kuasa Akta Pemulihan Demokrasi dengan melaksanakan 8 Tuntutan BERSIH 2.0; selain memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Rahsia Rasmi (OSA), Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) serta akta berkaitan media dan percetakan sebagai mengukuhkan arus reformasi rakyat.

## Bajet 2012 : Bajet Pilihanraya, 'gula-gula' kepada rakyat – *Ketua Menteri*

**GEORGE TOWN** – Pembentangan Bajet 2012 yang diumumkan oleh Perdana Menteri (PM), Y.A.B. Datuk Sri Najib Tun Razak baru-baru ini jelas menunjukkan diskriminasi dalam pentadbiran Barisan Nasional (BN).

Menurut Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika ditemui dalam satu sidang media yang diadakan di Wisma Great Eastern sempena pembukaan pejabat baru The British Council, beliau sangat dukacita dengan pengumumam bajet oleh PM ekoran terdapat golongan yang tertindas dengan 'gula-gula' yang diberikan.

"Kita, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) nak tengok dalam kelapan-lapan pengumumam, berapa akan diberikan setiap tahun, kerana rakyat tak mahu dapat lima tahun sekali, rakyat nak dapat setahun sekali. Jangan bagi hanya pada pilihanraya.

"Kita (Kerajaan Negeri PR) juga agak hampa dengan pemberian kepada warga emas, mengapa hanya bagi jumlah yang begitu kecil? Kita cadangkan dalam belanjawan PR supaya bagi RM1,000 setiap tahun. Kita ingat PM sudah dengar, akhirnya cuma bagi RM1 saja, iaitu bagi mengecualikan mereka daripada membayar yuran pesakit luar di hospital-hospital kerajaan. Ini tidak patut dan tidak adil untuk warga emas," ujar Guan Eng lagi.

Pada masa yang sama, Guan Eng turut melahirkan dukacitanya apabila hanya pekerja-pekerja Modal Insan di Iskandar diberi keistimewaan.

"Mengapa hanya pekerja-pekerja Modal Insan di Iskandar saja yang dikenakan cukai sebanyak 15%? Mengapa tidak diperluaskan di seluruh negara? Negeri-negeri lain pun sebahagian daripada Malaysia," ujarnya lagi.

"Saya juga agak dukacita kerana tiada sebarang projek di Pulau Pinang diumum," tambahnya.

# Pulau Pinang berwibawa berbanding pusat – Mansor

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Bajet Kerajaan Berjiwa Rakyat 2012 seakan memperlihatkan urus ekonomi Kerajaan Negeri Pulau Pinang berwibawa berbanding kerajaan pusat.

Demikian isyarat yang disuarakan Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang, Datuk Mansor Othman pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali 2011 yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri.

Beliau berkata, hutang semasa Kerajaan Negeri sekarang hanya RM29.66 juta walaupun pada Mac 2008 berjumlah RM630.13 juta.

"Saya juga amat bangga... penurunan hutang yang paling cemerlang di antara semua negeri lain dengan penurunan sebanyak RM600 juta atau 95 peratus.

"Berbanding dengan kedudukan hutang Persekutuan yang naik sebanyak 71% atau RM190 bilion dalam tempoh masa yang sama daripada RM266 bilion pada akhir tahun 2008 kepada RM456 bilion pada akhir 2011," ujar beliau.

Beliau turut menyuarakan rasa bangga kerana Bajet 2011 mendedahkan sehingga akhir tahun lepas, rizab Kerajaan Negeri naik ke RM1.13 bilion.

Dalam keraian tersebut, beliau turut mengumumkan program baru Kerajaan Negeri, iaitu sumbangan RM100 kepada bayi baru lahir bermula 1 Januari tahun ini melalui Program Anak Emas serta beberapa program sumbangan Kerajaan Negeri lain demi kebajikan rakyat.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang, Prof. Dr. P.Ramasamy, Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang), Datuk Mokhtar Jait (Pegawai Kewangan Negeri), Karpal Singh (Ahli Parlimen Bukit Gelugor) dan Datuk Ooi Chin Loo (Pengarah Urusan Ivory Properties Group Berhad).

# Lukisan *'View Of George Town'* serikan lobi DUN

**GEORGE TOWN –** Perkarangan lobi sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) telah diserikan dengan sebuah lukisan *"A View of Georgetown"* yang dihadiahkan oleh artis terkenal, Patrick Lasak.

Lukisan panorama tersebut merupakan antara hasil kerja terbesar pernah dihasilkan. Beliau merupakan seorang tokoh seniman yang berasal dan dibesarkan di negeri ini.

Ia dilukis menggunakan cat minyak di atas kanvas berukuran 360cm x 150cm yang menggambarkan panorama seluruh George Town bermula dari Padang Kota sehingga Bukit Relau.



PATRICK Lasak menunjukkan lukisan beliau.

# Enggan mohon maaf – Utusan dilarang masuk DUN

**GEORGE TOWN –** Ekoran keengganan akhbar Bahasa Malaysia, Utusan Malaysia yang enggan memohon maaf di atas fitnah disiarkan pada persidangan Dewan Undang Negeri (DUN) yang lalu, pihak terbabit dilarang memasuki perkarangan DUN bagi membuat liputan pada Persidangan Mesyuarat Kedua Penggal Keempat DUN Pulau Pinang yang ke-12 di sini baru-baru ini.

Speaker DUN, Datuk Abdul Halim Hussain berkata, Utusan Malaysia dilarang membuat liputan persidangan di dalam perkarangan dewan, namun, sebarang maklumat yang hendak mereka (Utusan Malaysia) laporkan, boleh diambil secara langsung melalui online.

"Ini dewan perjuangan, apabila mereka membuat fitnah, maka mereka telah menghina dewan, ini adalah satu kesalahan besar," ujar beliau ketika sidang dewan ditangguhkan seketika di sini baru-baru ini.

Utusan Malaysia sebelum ini menfitnah Kerajaan Negeri berkaitan pengubahsuaian rumah Ketua Menteri yang mencecah RM1.5 juta.

# P. Pinang sasar RM6.1 bilion FDI 2011

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang mensasarkan RM6.1 bilion pelaburan asing langsung (FDI) bagi 2011 walaupun negeri berkenaan pada tahun lepas mencatatkan RM12.2 bilion FDI, iaitu tertinggi dalam negara.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika membentangkan Bajet Negeri Pulau Pinang Tahun 2012 berkata, sasaran yang lebih rendah itu demi membolehkan infrastruktur dan sumber terutamanya modal insan dapat memenuhi permintaan pelaburan yang mendadak pada tahun lepas.

"Pulau Pinang telah mensasarkan RM6.1 bilion pelaburan untuk tahun 2011 melalui sektor-sektor penting yang bernilai tinggi dan industri berasaskan pengetahuan yang dapat menghasilkan pendapatan yang tinggi," ujarnya di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih itu bagaimanapun berkata, Kerajaan Negeri menggariskan tujuh faktor kejayaan bagi memantapkan peningkatan pelabur asing yang sedia ada. Antaranya :

i. Urus tadbir yang baik dan kepimpinan berwibawa;
ii. Memiliki tenaga kerja yang berbakat bagi pertumbuhan ekonomi negeri;
iii. Bandar raya paling baik didiami Malaysia yang menjadi pilihan pakar profesional;
iv. Jaminan perlindungan harta intelek;
v. Memiliki hub logistik yang cekap;
vi. Pengurusan rantaian bekalan yang kompeten; dan
vii Usaha memupuk kreativiti dan inovasi dalam bidang sains dan teknologi

Memetik perangkaan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida) bagi tempoh Januari hingga Julai tahun ini, beliau berkata, sejumlah RM4.6 bilion pelaburan yang membabitkan 56 projek telahpun diluluskan Kerajaan Negeri.

Perangkaan itu, menurut beliau lagi, sekaligus meletakkan Pulau Pinang kekal di tempat teratas kerana berjaya menarik 22.7 peratus dari FDI negara.

Pada tahun 2009, FDI Pulau Pinang sebanyak RM2.2 bilion sahaja.

Jumlah FDI tahun lepas sebanyak RM12.2 peratus memperlihatkan Pulau Pinang menyumbang 36 peratus kepada keseluruhan FDI negara walaupun rakyat negeri berkenaan hanya 6 peratus dari populasi rakyat Malaysia.

Sasaran FDI yang agak sederhana itu sekaligus mencerminkan Bajet Negeri Pulau Pinang Tahun 2012 adalah suatu belanjawan yang realistik dengan mengambil kira senario persekitaran ekonomi semasa selain ditimbang dengan rekod kejayaan yang sedia ada.

# RM33 juta biaya kos sisa pepejal berjaya diselamatkan – *Guan Eng*

**GEORGE TOWN –** Lebih 40 peratus atau RM33 juta wang rakyat yang sepatutnya membiayai kos sisa pepejal di Pulau Pinang sejak tiga tahun lepas berjaya diselamatkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kata Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Ketua Menteri Pulau Pinang itu ketika sesi penggulungan ucapan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang berkata, kejayaan itu berpunca dari proses tender semula secara terbuka dengan kontraktor Idaman Bersih Sdn. Bhd..

Beliau berkata proses tender semula tersebut dilakukan melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

"(Kerajaan Negeri sekarang) dah berjaya mengurangkan kos bayarannya lebih 40 peratus yang menjimatkan kira-kira RM33 juta dalam tiga tahun," ujar beliau di DUN, di sini.

Tuntas dari itu, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, berkata, amalan urus tadbir yang amanah dan berintegriti merupakan salah satu faktor Kerajaan Negeri sekarang berjaya melangsaikan RM230 juta hutang MPSP bagi tujuh tahun berturut-turut sejak 2008 lalu, iaitu ketika Kerajaan Negeri diperintah oleh Barisan Nasional (BN).

Sejak tahun lepas, MPSP mula mencatatkan lebihan keuntungan (surplus) kira-kira RM23 juta.




**KERETA rasmi milik UPEN yang dirantai.**

# Kereta UPEN dirantai, sidang DUN riuh

Oleh: **MOHD HAFIZ TAJUDIN**

**GEORGE TOWN –** Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-12 di sini baru-baru ini riuh apabila sebuah kereta rasmi pacuan empat roda dipercayai milik Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) yang diletakkan di bahu jalan perkarangan luar Dewan Undangan Negeri (DUN) dirantai.

Kejadian tersebut hanya disedari apabila sidang dewan beristirehat kira-kira pada pukul 12.30 tengah hari.

Dipercayai, kenderaan berkenaan telah dirantai oleh Ketua Pemuda Parti Cinta Malaysia (PCM), Liew Yeow Hooi sebagai pengajaran kepada mana-mana ahli politik serta kakitangan kerajaan supaya tidak sesuka hati meletakkan kenderaan sehingga menyebabkan kesesakan lalulintas.

Dalam pada itu, Setiausaha Politik Ketua Menteri, Ng Wei Aik bagaimanapun mempertikai tindakan berkenaan.

"Sewajarnya PCM melaporkan aduan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) atau pihak berkuasa tempatan, bukannya mengambil tindakan di luar bidang kuasa mereka," kata beliau di sini.

Oleh yang demikian, Wei Aik akan membuat laporan polis berhubung hal berkenaan.

Difahamkan, pihak UPEN terpaksa meletakkan kereta berkenaan di lokasi terbabit berikutan tempat letak kereta di perkarangan dewan serta kawasan sekitar telah penuh.

## CORET-CORET



**GAYA Pengerusi Jawatankuasa Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Ong Kok Fooi sebelum memasuki Dewan Persidangan DUN.**




**PENGERUSI Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom), Pengangkutan (Udara, Laut dan Keretapi), Lim Hock Seng (depan) sambil disusuli, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P.Ramasamy berjalan keluar dari Dewan Persidangan setelah persidangan ditangguhkan untuk rehat.**



**PENGERUSI Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow (dua dari kanan) dan ADUN Pengkalan Kota (kiri sekali) menaiki bas CAT percuma ke DUN.**

# Alahai Mat Rempit...

## Dipergunakan untuk tujuan politik benci





5 Ditahan!!!

Bandaraya George Town telah dijadikan sebagai litar lumba haram pada hari Isnin, 31 Oktober 2011 apabila kira-kira 300 Mat Rempit telah melakukan tunjuk perasaan di KOMTAR dan di sepanjang jalan hingga ke Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang.

## Keliru antara "rasis" dengan "racing"?



**Tujuan demonstrasi pada asalnya nak tuntut pembinaan litar lumba... Tapi... tidak masuk akal.... Pamer sepanduk "Selamatkan Pulau Pinang, Selamatkan Mat Rempit, LGE Rasis."**

**Lantas timbul soalan adakah pemuda-pemuda itu telah diperdayakan oleh sesetengah pihak untuk berdemonstrasi bagi tujuan politik?**

**Mengapa terbuai-buai dengan agenda politik perkauman pihak tertentu?**





**"Apa ahli PAS tak kenal saya sebagai Pesuruhjaya PAS Pulau Pinang ataupun Presiden, Dato' Seri Haji Hadi Awang?" ujar Pesuruhjaya PAS, Y.B. Dato' Mohd. Salleh Man.**



**Seorang lelaki yang mendakwa dirinya ahli DAP pula kemudian meminta maaf kepada semua pihak kerana diperalatkan oleh ADUN UMNO untuk menghadiri sidang akhbar ADUN UMNO itu untuk menentang Kerajaan Negeri PR Pulau Pinang.**

## Siapakah dalang di sebalik Mat Rempit?

- Timbalan Ketua Menteri I, Y.B. Dato' Mansor Othman menimbulkan pemerhatian bahawa perhimpunan liar itu agak tersusun.
- "Kalau mereka nak menuntut sebuah litar lumba, mereka tidak akan memakai baju 'LGE rasis' kerana rasis dan 'racing' (perlumbaan) maksudnya sangat berbeza.
- Turut tidak menolak kemungkinan bahawa mereka yang terbabit adalah pelajar-pelajar yang dikerah oleh seorang wakil rakyat dari sebuah kolej di sekitar Balik Pulau.



**Bagaimana 300 Mat Rempit boleh berpesta dan berhimpun haram di tengah bandaraya George Town tanpa sekatan?**







Stadium Batu Kawan

**Adakah budaya rempit budaya kita?
Tiada permohonan pihak berkenaan sebelum ini.
Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada rancangan membina Hub Sukan Permotoran di Stadium Batu Kawan.**

Oleh: **ZAINOLFAQAR YAACOB**

# KM rai 'Adat Berendoi' Melayu

**PENAGA –** Perbezaan ideologi politik kepartian tidak pernah menghalang Y.A.B Tuan Lim Guan Eng untuk turun bertandang ke Kampung Pulau Mertajam, Penaga yang dikatakan sebagai kubu kuat pihak pembangkang.

Bersempena lawatan tersebut, Ketua Menteri telah meraikan "Adat Berendoi" yang menjadi salah satu kebudayaan Melayu-Islam di kediaman Datuk Ahmad Jaafar (salah seorang penduduk Kampung Pulau Mertajam), di sini.

Selain kenduri kesyukuran dan dendangan marhaban mendoakan kelahiran baru cahaya mata, mencukur rambut dan membelah mulut (tahniq) yang menjadi sunnah Rasulullah s.a.w turut dilakukan dalam majlis berkenaan.

"Yang penting, jangan lupa untuk daftar cucu di bawah Program Anak Emas yang melayakkan cucu Datuk menerima RM100 daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang," seloroh Guan Eng sambil merakamkan tahniah kepada Ahmad kerana menerima cucu kedua, Mohamad Rizki Rayyan Mohd. Mustakim.

Ahmad dalam satu reaksi spontan merakamkan penghargaan atas kesederhanaan Guan Eng bertandang ke rumahnya.

"Kampung ini mungkin antara beberapa kampung yang masih meraikan adat Melayu. Sejak tahun lepas lagi, Adat (Berendoi) ini dihidupkan semula di rumah ini kerana kata orang tua-tua 'biar mati anak, jangan mati adat'.

"Walaupun kampung saya ini ramai (penyokong) Umno, datanglah selalu ke sini. Saya tidak kisah pemimpin PAS atau DAP selalu turun ke sini sebab dua cucu saya ini sendiri dibelah mulut (tahniq) oleh (PPK Penaga merangkap Yang DiPertua PAS Kawasan) Ustaz Rosidi Hussain sendiri," ujar beliau di sini baru-baru ini.



**KETUA Menteri mendukung Mohamad Rizki Rayyan Mohd. Mustakim sambil diperhatikan Rosidi Hussain (kiri sekali) pada Majlis "Adat Berendoi" di Kampung Pulau Mertajam di sini baru-baru ini.**

Ayah kepada Mohamad Rizki Rayyan, Mohd Mustakim Ahmad turut melahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana memelihara kebajikan rakyat.

"Saya rasa berbesar hati lah kerana kampung saya dikunjungi oleh seorang ketua menteri, saya ucap terima kasihlah kepada beliau (Guan Eng) kerana hadir majlis anak saya," ujar beliau.

Sebelum pada itu, Guan Eng menyerahkan RM5,000 sumbangan dari peruntukan Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang berupa seragam sekolah kepada 70 murid-murid terpilih di sekitar Penaga.

Beliau turut menghadiri beberapa keraian rakyat di Pusat Perlindungan Mangsa Banjir Kampung Bongor dan Kota Aur, di Penaga.



**NICOLE David bersama ibu bapanya.**

# Tahniah Nicole!

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengucapkan setinggi tahniah kepada Ratu Skuasy Negara, Datuk Nicole David kerana telah berjaya melakar sejarah baru skuasy wanita dunia buat kali keenam berturut-turut di Rotterdam baru-baru ini.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam kenyataannya berkata, kejayaan bersejarah tersebut bermakna anak negeri Pulau Pinang merupakan pemain wanita yang memenangi gelaran juara dunia yang paling banyak dalam sejarah skuasy.

"Kebolehan Nicole memang tidak boleh dipertikaikan tetapi menakjubkan apabila kemampuan beliau mengekalkan prestasi cemerlang dalam tempoh yang begitu lama.

"Apa yang mengkagumkan ialah kekuatan mental dan kecekalan semangat juang beliau. Pulau Pinang memang bangga di atas pencapaian Nicole," jelas beliau.

Dalam pada itu, Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan menunggu kepulangan beliau ke Pulau Pinang dan akan diraikan dalam satu jamuan rasmi.

Di samping itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga mengucapkan tahniah kepada juara perseorangan badminton dunia, Zulfadli Zulkifli kerana buat pertama kalinya anak Malaysia muncul juara dalam pertandingan perseorangan badminton dalam satu pertandingan yang diadakan di Taipei baru-baru ini.

# Huffaz diiktiraf & dihargai



**PENERIMA Anugerah Khas Hafizah Professional, Nurul Hafizah Yusoff (kanan sekali)**

**MOHAMAD Hafizulsham Mohd. Hanafiah (dua dari kanan) penerima Anugerah Khas al-Hafiz Peringkat Negeri Pulau Pinang 2011 bersalaman dengan Yang Dipertua Negeri dan Ketua Menteri pada Majlis Pengiktirafan al-Hafiz dan Ijtimak al-Huffaz Negeri Pulau Pinang 1432H di sini baru-baru ini.**



**GEORGE TOWN –** Ternyata Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang menghargai kesungguhan dan ketekunan para hafiz dengan memberi pengiktirafan kepada lebih 260 hafiz (penghafal al-Quran – lelaki) dan hafizah (penghafal al-Quran – perempuan) dalam sebuah Majlis Pengiktirafan al-Hafiz dan Ijtimak al-Huffaz Negeri Pulau Pinang 1432H di sini.

Pada majlis yang bertemakan 'Satu Keluarga, Satu Hafiz' tersebut turut menyaksikan penyampaian anugerah-anugerah khas dalam memberi pengiktirafan kepada individu yang cemerlang dalam menjadikan al-Quran sebagai landasan hidup dan kerjaya mereka.

Antaranya Solehah Zahari, 17 yang dianugerahkan sebagai Anugerah Tokoh al-Hafiz Termuda; pesara Haji Ilyas Haji Hassan, 63 bersama isteri Hendon Zakaria dan enam cahaya mata yang juga hafiz dan hafizah dianugerahkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Keluarga al-Hafiz dan Ahmad Tajuddin Ismail, 64 yang merupakan pensyarah di KITAB dan Imam rawatib di Masjid Negeri dianugerah sebagai Tokoh Guru al-Hafiz 1432H.

Selain itu, Anugerah Tokoh Khas al-Hafiz diberikan kepada Mohd. Hafizulsham Mohd. Hanafiah, 28, yang merupakan seorang guru tahfiz yang mengajar di Negeri Kedah dan merupakan seorang yang kelainan upaya (OKU). Manakala penerima Anugerah Tokoh Khas al-Hafizah diterima oleh Dr. Nurul Hafizah Yusoff, 26 yang merupakan seorang pegawai perubatan di Hospital Seberang Jaya dan merupakan penerima anugerah hafazan peringkat kebangsaan pada tahun 2002. Bagi Anugerah Khas Tokoh al-Hafiz Negeri Pulau Pinang 1432H diterima oleh Haji Ahmad al-Hashim al-Hafiz, 46, yang merupakan bekas penuntut di Maahad Qira'at Shubra al-Azhar di Mesir dan salah seorang pensyarah KITAB di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, jumlah penerima anugerah dan sumbangan bertambah dari tahun ke tahun iaitu seramai 103 penerima pada 2008, 2009 (130), 2010 (180), 2011 (260).

"Saya tahu bukan mudah untuk melahirkan seorang hafiz yang bukan sahaja cemerlang sahsiahnya malah cemerlang dalam menghafal al-Quran. Malah dengan komitmen yang tinggi dan disiplin diri serta mempunyai jiwa yang besar sahaja mampu melahirkan insan cemerlang seperti para hafiz dan hafizah sekalian.

"Justeru, Kerajaan Negeri sememangnya menaruh harapan yang tinggi kepada para huffaz sekalian selaku generasi pewaris kepimpinan negara dan menjadi contoh terbaik dalam aspek pembangunan sahsiah mencakupi rohani dan jasmani," tambah ketika berucap pada majlis berkenaan di sini baru-baru ini.

Majlis turut dihadiri Yang Dipertua Negeri, Tuan Yang Terutama Tun Dr. Abdul Rahman Abbas, Menteri Besar Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim dan Speaker Dewan Undangan Negeri, Abdul Halim Hussain.

Kesemua penerima menerima sumbangan dan penghargaan wang tunai beserta sijil penghargaan daripada Kerajaan Negeri.

# Pasar awam Penanti bakal berubah wajah




MANSOR Othman (depan sekali) sambil ditemani beberapa pegawai membuat tinjauan di sekitar Pasar Awam Penanti di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**PENANTI –** Kira-kira 53 peniaga mampu menarik lafas lega apabila Pasar Awam Penanti bakal berubah wajah hasil inisiatif khas Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR).

Kerja-kerja menaik taraf tersebut bakal membabitkan penukaran lantai, mengecat semula pasar, menukar meja jualan dan juga membaiki longkang dan sistem perpaipan bagi menyalurkan bekalan air kepada peniaga. Di samping itu, tapak jualan makanan dan minuman yang terletak di luar pasar juga akan turut dinaiktaraf untuk keselesaan pengunjung dan peniaga.

Timbalan Ketua Menteri I yang juga merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Datuk Mansor Othman berkata, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) memperuntukkan RM167,000 bagi kerja-kerja menaik-taraf pasar yang dijangka siap pada penghujung bulan November ini.

"Pasar ini tidak pernah diselenggara sejak ia wujud bertahun lalu. Malah, kerajaan terdahulu juga dilihat mengabaikannya. Jesteru, hari ini, kita bantu bagi menghidupkan semula kawasan ini," ujarnya.

# Penduduk Kg. Belacan terima RM500 sumbangan tambahan

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat telah membuat keputusan memberikan RM500 tambahan sumbangan kepada sembilan keluarga mangsa kebakaran Kampung Belacan, Batu Feringghi yang berlaku hujung tahun lalu.

Sumbangan tersebut merupakan ganti rugi atas kelewatan proses pembayaran kepada semua mangsa tragedi dan sumbangan telah diberikan semasa sesi sidang media yang diadakan di Komtar baru-baru ini.

"Kita berasa kesal dengan apa yang berlaku yang menyebabkan penduduk terpaksa menunggu lama," ujar Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Datuk Farizan Darus yang turut menghadiri sidang media tersebut menjelaskan, terdapat beberapa masalah teknikal ketika proses pembayaran dibuat oleh Pejabat Kewangan Negeri kepada mereka yang berkenaan pada 28 Februari lepas.

Ini kerana, pihaknya baru mengambil tanggungjawab tersebut yang sebelum ini dilakukan oleh Pejabat Daerah dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Walau bagaimanapun, kesemua mangsa telahpun menerima bantuan segera sebanyak RM 1,000 daripada tabung bantuan bencana Tuan Yang Terutama (TYT) semasa hari kejadian.

"Wang tersebut bolehlah digunakan untuk membeli barang-barang keperluan," kata Norehan Yahaya, 42, salah seorang mangsa kebakaran yang hadir menerima sumbangan.

Nada yang sama turut disuarakan oleh Zuhan Khan Mohamed Ali, 42, seorang peniaga kecil di Batu Feringghi.

"Kami berpuas hati dengan apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri yang banyak membantu kami, mangsa kebakaran," ujar beliau.

# Flat Kampung Melayu dicat semula

**AIR ITAM –** Demi kebajikan para penduduk yang mendiami 900 unit rumah di Flat Kampung Melayu sejak tahun 1975, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif khas untuk menjalankan kerja-kerja penambahbaikan dan mengecat semula bangunan tersebut.

Umumnya, kerja-kerja pengecatan dan penambahbaikan telah dimulakan pada Oktober lalu dan dijangka siap sepenuhnya pada Januari 2012.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berkata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang prihatin terhadap kebajikan penduduk di kedua-dua blok A dan B Kampung Melayu dan dengan itu amat berbesar hati untuk menaiktaraf infrastruktur bangunan-bangunan tersebut demi keselesaan penduduk.

"Kini, bangunan blok A telah dinaik taraf dan siap sepenuhnya dengan kerja-kerja pendawaian semula. Kerja-kerja menaiktaraf akan diteruskan bagi 'menceriakan' kembali antara kampung tertua di negeri ini," katanya ketika Majlis Perasmian Mengecat Semula Blok B Flat Kampung Melayu di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, salah seorang penduduk tertua Kampung Melayu yang hanya dikenali sebagai Ariffin melahirkan rasa gembiranya hasil usaha yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri.

"Terima Kasih kepada Kerajaan Pakatan Rakyat yang bukan sahaja prihatin terhadap kebajikan kami tetapi sekaligus menceriakan kembali kampung halaman kami yang telah didiami sekian lamanya," jelas beliau lagi.

Projek Pengecatan Semula Kampung Melayu dijangka menelan belanja sebanyak RM270,000. Di mana sebanyak 80% kosnya ditanggung oleh Kerajaan Negeri manakala sektor korporat, 20%.



WONG Hon Wai (bersarung tangan) bersama beberapa penduduk melakukan kerja-kerja mengecat sebagai gimik Majlis Perasmian Mengecat Semula Blok B Flat Kampung Melayu di sini baru-baru ini.

# Isu perobohan 12 Rumah Kampung Sungai Nibong Besar selesai dalam 24 jam

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**



**PANTAI JEREJAK –** Atas usaha khas pucuk pimpinan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR), isu perobohan 12 rumah Kampung Sungai Besar dapat diselesaikan dalam tempoh 24 jam.

Hasil perbincangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin dengan bantuan Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Menteri I bersama pihak pemaju, 12 penduduk berkenaan bakal memperoleh pampasan satu rumah ganti satu rumah kos rendah bernilai RM42,000 dan kos pindah, RM5,000. Ini bermakna, para penduduk bakal memperoleh nilai pampasan berjumlah RM47,000.

Tze Tzin berkata, hasil inisiatif khas, Kerajaan Negeri telah mencapai kata sepakat bersama pemaju untuk memberikan rumah kos rendah bernilai RM42,000 dan RM5,000 sebagai wang pampasan untuk kerja pemindahan kepada para penduduk.

"Pakatan Rakyat memang membela nasib orang kampung tanpa mengira kaum, agama atau fahaman politik. Dengan perjanjian ini, mereka (penduduk) akan diberi kelongaran selama tiga bulan untuk pindah ke rumah baru,'' katanya pada Majlis Menandatangani Perjanjian Pampasan di Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Sungai Nibong Pantai di sini baru-baru ini.

Dalam kejadian baru-baru ini, keadaan di Kampung Sungai Nibong Besar tegang apabila seramai 12 rumah penduduk diberikan notis roboh dan pengosongan oleh Mahkamah Sesyen George Town. Kejadian berlaku apabila wakil mahkamah, Bailif Mahkamah Majistret Balik Pulau, Ahmad Abdul Karim turun ke kampung berkenaan untuk laluan kerja perobohan.

Setahun sebelum ini, Tze Tzin telah memperoleh tawaran yang baik kepada penduduk kampung. Namun, malangnya, penduduk kampung yang dipercayai telah dipengaruhi pihak tidak bertanggungjawab tidak ingin mengambil tawaran berkenaan. Ekoran itu, mereka telah membawa kes tersebut ke mahkamah tetapi kalah.

Sementara itu, seorang penduduk, Hasnah Hassan, 50, yang mendiami kampung berkenaan hampir 40 tahun berkata, beliau amat berterima kasih kepada Tze Tzin dan juga Kerajaan Negeri kerana turut sama menyelesaikan masalah berbangkit ini.

"Kami penduduk kampung berasa sangat teruja dan gembira dengan pemberian rumah ini. Sukar untuk digambarkan bagaimana perasaan untuk berpindah ke rumah yang baru,'' katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini.



**PENDUDUK Kampung Sungai Nibong Besar bersyukur atas inisiatif khas Kerajaan Negeri menyelesaikan kemelut mereka.**

# RM100 ceriakan keluarga ibu tunggal empat anak

**BAYAN BARU –** Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Itulah perungkapan bagi menggambarkan pengorbanan seorang ibu tunggal yang mana terpaksa bertungkus-lumus mencari rezeki bagi menyara empat anaknya selepas kematian suami sejak April lalu.

S. Komathy, 40, sebelum ini tidak pernah bekerja, namun, kini, beliau menyara kehidupan keluarganya dengan gaji sekitar RM400 sebulan sebagai tukang cuci di sebuah bank. Beliau mengakui jumlah gaji diterima tidak cukup untuk menyara kehidupan mereka lima beranak. Adakala mereka terpaksa mengikat perut kerana tidak mampu untuk membeli makanan.



**S. Komathy melutut di hadapan Ketua Menteri semasa menerima sumbangan bantuan ibu tunggal di Kompleks Masyarakat Penyayang di sini baru-baru ini.**

Kisah Komathy mendapat perhatian ekoran tindakan beliau melutut di hadapan Ketua Menteri pada majlis penyampaian sumbangan RM100 kepada ibu tunggal dan golongan kelainan upaya (OKU) di Kompleks Masyarakat Penyayang di sini baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, Komathy yang merupakan salah seorang penerima wang sumbangan RM100 Program Penghargaan Ibu Tunggal dan OKU telah melutut di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng kerana tersentuh dengan inisiatif Kerajaan Negeri berhubung pemberian berkenaan.

Menurut adiknya, S. Gunasekaran, 34, kakaknya (Komathy) itu tidak mengetahui siapa yang sebenarnya telah memberi bantuan kepadanya.

"Kakak saya ada beritahu, dia mendapat RM100 daripada 'orang besar'. Kami semua tertanya-tanya siapakah 'orang besar' yang dimaksudkan beliau sehinggalah berita mengenai sumbangan tersebut keluar di suratkhabar.

"Masa itu baru saya tahu 'orang besar' itu sebenarnya adalah Tuan Lim Guan Eng," ujarnya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui di rumah Komathy di Bayan Baru di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Komathy memberitahu, beliau telah menggunakan wang RM100 untuk membeli sehelai pakaian baru sempena sambutan Deepavali bagi anak bongsunya. Manakala, selebihnya digunakan untuk membeli makanan dan sedikit barang keperluan.

"Saya sangat gembira apabila menerima sumbangan RM100. Saya tahu, bagi orang lain, jumlah itu mungkin sedikit tetapi bagi saya, wang tersebut begitu tinggi nilainya kerana sedikit sebanyak dapat menceriakan anak-anak saya setelah apa yang mereka alami.

"Tak ada orang lain yang boleh bagi sejumlah wang tersebut selain Ketua Menteri," ujar Komathy yang dikurniakan empat cahaya mata berusia 14 hingga 5 tahun.

# Pesta Pulau Pinang kembali!

**GEORGE TOWN –** Pesta Pulau Pinang kini kembali lagi saban tahun bagi memeriahkan musim cuti persekolahan dengan pengisian pelbagai acara menarik bermula 28 November 2011 sehingga 1 Januari 2012 dari 6 petang sehingga 11.30 malam setiap hari.

Selain pertunjukkan khas artis jemputan, terdapat juga tayangan dan pameran 3D serta persembahan kebudayaan pelbagai negara. Ibu bapa juga boleh membawa anak-anak untuk berhibur di Taman Hiburan *'Euro Fun Park'* yang disediakan khas oleh pihak penganjur.

Pesta yang diadakan selama 35 hari ini turut dimeriahkan dengan kepelbagaian gerai jualan dan makanan untuk pengunjung membeli-belah dan menikmati makanan yang terkenal di Pulau Pinang.

Orang ramai dijemput hadir untuk memeriahkan Pesta Pulau Pinang. Maklumat lanjut dan berita terkini boleh diperoleh melalui lama sesawang, http://www.facebook/PestaPulauPinang.



***'EURO Fun Park'* salah satu daya tarikan utama muda-mudi ke Pesta Pulau Pinang.**

# SAR Masjid Jamek Batu Maung dapat bangunan sendiri



**MANSOR Othman (kanan sekali) menandatangani plat perasmian SAR Masjid Jamek Batu Maung sambil disaksikan oleh Abdul Malik Abul Kassim (tengah) dan Mohd. Fauzi Zubir (kiri sekali) sempena majlis perasmian bangunan baru di sini baru-baru ini.**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BATU MAUNG –** Atas dasar ingin memperkasakan pendidikan agama dan pengajian fardhu ain, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif khas membantu Sekolah Agama Rakyat (SAR) Masjid Jamek Batu Maung yang dahulunya hanya menumpang di ruang solat masjid berkenaan sehingga kini telah memperoleh bangunan sendiri yang mampu menampung sehingga 150 murid dalam satu-satu masa.

Menurut Pengerusi Qariah yang juga merupakan Pengerusi SAR Masjid Jamek, Ustaz Mohd. Fauzi Zubir, dengan penubuhan bangunan sekolah berkenaan, kini murid-murid dapat mengikuti pembelajaran dengan lebih selesa dan teratur. Malah tambah beliau lagi, kini, SAR tersebut dapat beroperasi seperti Sar lain yang terdapat di Pulau Pinang.

Beliau turut menyatakan rasa syukur kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang tidak pernah mengecewakan rakyat. Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) kerana telah merealisasikan penubuhan SAR tersebut.

Kini, SAR Masjid Jamek Batu Maung mempunyai 61 murid lelaki dan 52 murid perempuan serta tiga orang guru KAFA dan seorang mudir.

"InsyaAllah, kami akan beroperasi sepenuhnya tahun hadapan dengan lebih sistematik di mana kita akan perkenalkan sistem pendaftaran dan yuran sama seperti SAR lain," ujar Ustaz Mohd. Fauzi pada majlis perasmian bangunan baru di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Abdul Malik Abul Kassim dan wakil-wakil JHEAIPP turut hadir pada majlis tersebut.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM1.75 juta setiap tahun bagi bantuan pendidikan dan pembangunan sekolah agama rakyat di Pulau Pinang. Malah peruntukan pendidikan di Pulau Pinang juga meningkat dari tahun ke tahun iaitu RM11.3 juta pada tahun lalu kepada RM12.0 juta pada tahun ini.

# Perkasakan rakyat dengan ilmu kebenaran – lebih 57,000 buku ditambah

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**BUKIT MERTAJAM –** Sejumlah RM90,000 telah diperutukkan bagi membaiki perpustakaan awam cawangan ini yang mengalami kerosakan teruk dan terpaksa dihentikan operasi lebih tiga bulan.

Bangunan usang yang terletak di simpang tiga tengah bandar ini sebelum ini berlantaikan kayu telah reput dan menyebabkan bahagian belakang yang menempatkan tiga rak buku rebah.

Selain menukar lantai kepada lantai jubin, beberapa infrastruktur lain juga telah dinaiktaraf antaranya penambahan lebih 57,000 buah bahan bacaan, penukaran rak-rak buku dan penghawa dingin.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang memuji tindakan Jabatan Kerja Raya (JKR) yang mampu menyiapkan projek baikpulih berkenaan kurang dari tempoh tiga bulan menyatakan bahawa penambahbaikan itu menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri amat mementingkan perkembangan ilmu dalam kalangan masyarakat.




**ANTARA buku-buku yang terdapat di Perpustakaan Awam Bukit Metajam.**

"Kita membina rakyat dengan prinsip 3P, Perkasakan Rakyat, Perkuasakan Rakyat dan Perkayakan Rakyat. Kita mesti memperkasakan rakyat dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran supaya anak-anak kita boleh menjadi rakyat yang maju pada masa depan. Dengan ilmu itu, mereka akan beroleh kuasa kesedaran dan dapat membezakan antara yang benar dan yang batil," kata Guan Eng dalam ucapannya.

Dalam pada itu, beliau juga menyeru supaya rakyat negeri ini menyemarakkan budaya membaca dan mencari ilmu serta mendidik anak-anak dengan perkara yang benar supaya mereka membesar dengan kebenaran.

Turut hadir, Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) Prof. Dr. P. Ramasamy ; Timbalan Pengerusi PPAPP, Mohd. Salleh Man, Pengarah PPAPP, Shukriah Yon, Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Chong Eng dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang, Tan Cheong Heng.

# 92 peratus kadar penyelesaian permohonan dan pembangunan PBT diiktiraf

**BUKIT MERTAJAM –** Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng hari ini merakamkan tahniah kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) atas kejayaan menyelesaikan 92 peratus urusan permohonan dan pembangunan yang melibatkan kepentingan rakyat.

Beliau menyuarakan pengiktirafan itu pada Majlis Pelancaran Sistem Online Unit Pusat Setempat (OSC) di Kompleks MPSP, Bandar Perda, di sini.

"Kadar penyelesaian dahulu 81 peratus. Tetapi, sehingga tahun ini, (kadar penyelesaian) 92 peratus bagi kedua-dua PBT (pihak berkuasa tempatan), ia meningkat 11 peratus," ujar beliau.

Pun begitu, beliau berkata kedua-dua PBT perlu terus meningkatkan kualiti perkhidmatan demi merealisasikan harapan Kerajaan Negeri sebagai "kerajaan berjiwa rakyat".

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow pula berkata, pihak berwajib seharusnya menekankan aspek kemanusiaan walaupun sistem OSC Online lebih berorientasikan internet.

"Internet bukanlah manusia, maka faktor manusia sangat penting untuk menjayakan OSC Online ini," kata beliau.

OSC Online dilancarkan pada 21 Mac 2007 oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dengan pelancaran OSC Online ini, semua proses permohonan dan pemprosesan di negeri ini akan dilaksanakan secara talian online.

Sistem ini meliputi 11 Jabatan, iaitu Indah Water Consortium (IWK), Tenaga National Berhad (TNB), Pihak Bekalan Air Negeri (PBAN), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Pasukan Bomba dab Penyelamat, Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBM).

Turut hadir, Yang DiPertua MPPP, Patahiyah Ismail, Yang DiPertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif , Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Saleh Man dan ahli majlis PBT lain.

# Pulau Pinang catat peratusan pengeluar padi tertinggi negara

Oleh: **ZULIANA AZIZ**

**SEBERANG JAYA –** Sambutan Hari Peladang, Penternak, Nelayan dan Karnival Koperasi merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri bagi mempromosi produk-produk pertanian, perladangan, perikanan serta koperasi di negeri ini.

Faktor tanah yang terhad dan kos pembangunan yang tinggi tidak menjadi batu penghalang bagi sektor ini menempa beberapa pencapaian yang membanggakan. Ini terbukti apabila purata pengeluaran hasil padi di negeri ini telah mencapai sasaran iaitu 5.7 tan metrik per hektar, sekaligus menjadikan Pulau Pinang mencatat peratusan pengeluaran tertinggi di Malaysia berdasarkan keluasan sawah padi yang terhad berbanding negeri-negeri lain yang mempunyai sawah padi yang lebih luas.

Dalam pada itu, sektor perikanan juga mencatatkan peningkatan jumlah pendaratan akuakultur sebanyak 7 peratus sehingga Jun 2011 berbanding tempoh yang sama pada 2010. Peratusan ini sekaligus menjadikan Pulau Pinang sebagai satu-satunya negeri yang mencatatkan peningkatan ketika semua negeri di Malaysia mencatat penurunan.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir berucap, persaingan yang sengit dalam pasaran global juga menuntut inovasi teknologi.

"Perkembangan ini telah meluaskan lagi dimensi sektor pertanian dan industri asas tani merangkumi bidang bioteknologi, kejuruteraan, sistem agihan serta pengurusan dan organisasi pasaran yang berubah," katanya pada Majlis Perasmian Sambutan Hari Peladang, Penternak, Nelayan dan Karnival Koperasi Peringkat Negeri Pulau Pinang di Tapak Ekspo Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Menurut beliau lagi, penubuhan koperasi di setiap komuniti dapat membantu meningkatkan ekonomi dan pendapatan bukan sahaja kepada diri sendiri malah kepada penduduk setempat melalui peluang-peluang perniagaan yang diwujudkan.

"Penubuhan koperasi dalam kalangan golongan muda negeri ini juga amat digalakkan bagi menyokong hasrat Kerajaan Negeri dalam meningkatkan tahap sosioekonomi penduduk negeri ini," tambah beliau.

Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Dato' Seri Utama Haji Abdul Rahman Abbas dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Hajjah Majimor Shariff turut hadir menyempurnakan majlis.



ANTARA petani, penternak dan nelayan berjaya yang menerima hadiah penghargaan daripada Kerajaan Negeri.



TIMBALAN Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman memerhatikan ikan yang berjaya dipancing dalam pertandingan memancing sempena penganjuran Hari Peladang, Penternak, Nelayan dan Karnival Koperasi Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

## Pasar Awam Air Itam tawar keselesaan

**AIR ITAM –** Berubah wajah! Merupakan gambaran tepat apabila melihat keadaan Pasar Awam Air Itam yang telah dinaiktaraf hasil usaha Kerajaan Pakatan Rakyat yang berjiwa rakyat.

Kerja-kerja penaiktarafan yang menelan belanja RM964,455.52 adalah meliputi pembinaan gerai 'lock-up' baru, bumbung, kaunter baru, lantai, kerja mengecat, perparitan, elektrikal, tandas, papan nama bangunan, jalan laluan dan lain-lain.

Umumnya, inisiatif tersebut telah menceriakan kembali keadaan pasar awam berusia hampir ratusan tahun itu.



PASAR Air Itam : Sebelum




PASAR Air Itam : Selepas



PASAR Air Itam: Sebelum



PASAR Air Itam: Selepas

## Karnival Sukan Rakyat membudayakan budaya tradisi tempatan

**GEORGE TOWN –** Permainan sukan rakyat masyarakat tempatan yang mempunyai keunikan tersendiri wajar ditengahkan sebagai produk pelancongan berpotensi negeri Pulau Pinang..

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian sebagai salah satu usaha memelihara keunikan dan kepelbagaian warisan dan budaya tradisi termasuklah acara-acara sukan rakyat yang semakin dilupakan kini.

Dalam pada itu, beliau turut menegaskan bahawa dalam usaha mencapai prestasi cemerlang dalam kalangan para atlet, adalah penting mereka yang tiada kepakaran supaya mengundurkan diri dan memberi laluan kepada pihak profesional.

"Itulah sebabnya Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat tidak berebut-rebut untuk memegang jawatan tertinggi dalam persatuan sukan. Akibatnya buruk seperti Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang yang sekarang dalam keadaan hidup segan mati tak mahu," ujar beliau ketika upacara Perasmian Karnival Sukan Rakyat Peringkat Zon Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Bersempena dengan penganjuran program yang menfokuskan tiga pengisian utama iaitu sukan rakyat, kenduri rakyat dan larian ria, kira-kira 1,000 pengunjung telah membanjiri Taman Perbandaran Pulau Pinang

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng ; Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim dan Pegawai Daerah Daerah Timur Laut, Azizi Zakaria.



ACARA tarik tali kategori wanita yang menjadi tumpuan.

# Astaka baru Bukit Bendera bertaraf antarabangsa



PEMANDANGAN luar astaka baru Bukit Bendera.

Oleh: **ZULIANA AZIZ**

**GEORGE TOWN** – Para pengunjung Bukit Bendera selepas ini boleh beriadah dengan lebih selesa apabila astaka baru yang kini dalam proses pembinaan dijangka mula beroperasi awal tahun hadapan.

Projek dijayakan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang dibina di lereng bukit berkonsepkan tropika mempunyai tiga tingkat dan 33 gerai keseluruhan boleh memuatkan kira-kira 400 pengunjung pada satu masa.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, usaha ini juga selaras dalam menjadikan Bukit Bendera sebagai sebuah destinasi antarabangsa pilihan pelancong asing.

"Objektif astaka baru adalah untuk memberi satu persepsi baru, suasana berniaga yang inovatif, bersih dan teratur bagi penggerai menjalankan perniagaan. Perubahan baru ini yang selaras dengan cara perniagaan baru akan dapat mendatangkan hasil pendapatan lumayan kepada peniaga," ujarnya pada sidang media yang diadakan di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau turut menyatakan bahawa sesi berdialog bersama 25 pemilik gerai telah dijalankan bagi menjelaskan mengenai konsep astaka baru supaya tidak timbul kekeliruan kepada peniaga sekaligus mengelakkan sebarang masalah pada masa hadapan.

Sementara itu, bagi anak kepada seorang pemilik gerai makanan berkata, beliau dan keluarganya tiada masalah sama sekali dengan perpindahan ini.

"Saya tiada masalah untuk pindah masuk ke gerai baru. Saya dah cukup bersyukur kerana diberi peluang untuk berniaga di sini lagi," ujarnya yang hanya mahu dikenai sebagai Kak Su, 27.

Sementara itu, bagi seorang pemilik gerai minuman yang dikenali sebagai Lily, 38, beliau juga tiada masalah dengan astaka baru jika pembahagian gerai diberi secara adil.



SISA kesan perobohan rumah yang tinggal.

# ADUN ringan beban mangsa rumah diroboh



GHAZALI Ibrahim

**SUNGAI NIBONG** – Peka dengan nasib yang menimpa seorang warga emas, Ghazali Ibrahim, 63, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak telah turun padang bagi membantu meringkankan beban ditanggung mangsa rumah pusaka yang dirobohkan oleh pihak Koperasi Tunas Muda berkenaan baru-baru ini.

ADUN terbabit, Sim Tze Tzin, telah berusaha mencari rumah bagi membantu Ghazali yang kini terpaksa menagih simpati saudara-mara untuk berteduh bersama keluarga dan dua orang cucunya.

Sebelum ini, pihak koperasi melalui perintah mahkamah menuntut semula tanah tersebut yang didakwa milik Koperasi Tunas Muda, walaupun pada dasarnya, menurut Ghazali, tanah tapak rumah tersebut telah dibeli oleh ibunya pada tahun 1975 sebanyak RM546.00 dengan keluasan 11,000 kaki persegi.

"Pihak saya juga sekarang akan mendapatkan bantuan guaman bagi membantu Ghazali mengambil tindakan mahkamah dan menuntut semula haknya," ujar Tze Tzin yang dihubungi wakil Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Selain itu, menurut Tze Tzin, perbincangan dengan pihak pemaju untuk mendapatkan pampasan yang sewajarnya akan dilakukan oleh pihak beliau bagi meringankan beban Ghazali sekeluarga.

"Saya berasa kesal dengan kejadian ini yang mana berlakunya penindasan antara kaum. Malah pampasan yang sewajarnya diterima oleh mangsa juga tidak diberikan" ujarnya.

# Mangsa ribut syukur bantuan segera KN

**PINANG TUNGGAL** – Tindakan pantas Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat menyampaikan bantuan segera dalam tempoh 24 jam telah meringankan beban hampir 100 buah keluarga yang terlibat dalam bencana ribut di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman dalam pada itu turut mengucapkan terima kasih kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal, Datuk Roslan Saidin yang bertungkus-lumus memastikan serahan sumbangan sampai kepada semua mangsa.

"Sumbangan penuh akan disampaikan setelah pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Jabatan Kerja Raya (JKR) membentangkan laporan lengkap taksiran kerosakan rumah-rumah berkenaan dalam tempoh terdekat," katanya ketika menyampaikan sumbangan kepada mangsa-mangsa ribut di Permatang Saga di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, apabila berdepan dengan situasi bencana sebegini, semua pihak termasuk wakil rakyat, pegawai daerah kena turun padang dan tolak ke tepi kefahaman politik masing-masing untuk memberi khidmat kepada rakyat.

"Kita telah gembelengkan semua pihak untuk membantu keluarga yang ditimpa musibah dan diharap keluarga yang terlibat bersabar sementara menunggu sumbangan penuh," ujar beliau.

Turut hadir adalah Pegawai Daerah Seberang Perai Utara, Jusni Ismail, Pegawai Penyelaras KADUN Pinang Tunggal, Adnan Abdul Rahman, wakil-wakil JKM, JPS, JKR, serta jawatankuasa penduduk.



MANSOR Othman (kanan sekali) menyampaikan sumbangan kepada mangsa-mangsa ribut di Pinang Tunggal di sini baru-baru ini.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PENANTI**<br>YB Tuan Mansor Othman<br>mansor@penang.gov.my | (T) 04 - 522 1463<br>(F) 04 - 522 1463 |
| **PERAI**<br>YB Tuan Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 650 5134<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Tuan Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Tuan Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Tuan Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Tuan Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Tuan Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my; pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Tuan Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Tuan Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Puan Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 537 8476<br>(F) 04 - 537 8476 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Tuan Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Tuan Sim Tze Tzin<br>simtzetzin@penang.gov.my | (T) 019 - 443 2088<br>(F) 04 - 641 3088 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Tuan Tan Hock Leong<br>hltan@penang.gov.my | (T) 04 - 552 1366<br>(F) 04 - 552 1366 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Tuan Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 017 - 472 9990<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **JAWI**<br>YB Tuan Tan Beng Huat<br>tanbenghuat2000@yahoo.com | (T)04 - 598 1877<br>(F)04 - 598 1877 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Tuan Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T)04 - 250 1521<br>04 - 2501522<br>(F)04 - 2501523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tuan Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 538 1162<br>(F) 04 - 537 1163 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Tuan Ong Khan Lee<br>jason_okl@yahoo.com | (T) 04 - 818 2008<br>(F) 04 - 818 2008 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Tuan Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adun.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Tuan Ng Wei Aik<br>ngweiaik@penang.gov.my; nweiaik@gmail.com | (T) 04 - 227 0215<br>(F) 04 - 227 8215 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Tuan Tan Cheong Heng<br>michael@dappenang.com.my | (T) 04 - 502 5071<br>(F)04 - 508 9711 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Tuan Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 229 2105<br>(F) 04 - 226 2550 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Tuan Koay Teng Hai<br>koaytenghai@gmail.com | (T) 04 - 226 3227<br>(F) 04 - 226 3227 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Tuan Hj. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Tuan Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Tuan Koid Teng Guan<br>tgkoid@gmail.com | (T)010 - 464 3308<br>(F) 04 - 282 8322 |
| **BATU UBAN**<br>YB Tuan Raveentharan a/l Subramaniam<br>raveenkeadilan@gmail.com | (T) 04 - 659 6007<br>(F) 04 - 658 6007<br>04 - 2628188 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>04 - 227 1397<br>04 - 227 7068<br>(F) 04 - 228 8514 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Dato' Haji Azhar Ibrahim | (T) 04 - 310 3100<br>(F) 04 - 323 8017 |
| **BERTAM**<br>YB Puan Hajah Zabariah Wahab | (T) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Haji Roslan Saidin | |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Tuan Haji Shabudin Yahya | (T) 04 - 573 4630<br>(F) 04 -570 1997 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Dato' Haji Jasmin Mohamed | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Dato' Hjh. Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 3675<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Datuk Arif Shah Haji Omar Shah<br>arif@arifshah.com | (T) 04 - 398 0185 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Dato' Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Tuan Syed Amerruddin Dato' Syed Ahmad | |
| **PULAU BETONG**<br>YB Tuan Sr. Haji Muhamad Farid Saad | |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Dato' Seri Dr. Haji Hilmi Hj Yahya | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Hj Rosidi Bin Hussain<br>albertami@yahoo.com<br>019-4704 800 | (T) 04 - 575 6577<br>04 - 575 8578<br>(F) 04 - 575 8578 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Bin Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | (T) 013 - 580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Adnan Bin Abdul Rahman<br>adnankulim@gmail.com | (T) 019 - 421 5952 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Arshad Bin Md Salleh<br>arshad.salleh@yahoo.com | (T) 019 - 510 2633 |
| **SUNGAI DUA**<br>Mohd. Fahmi Abd. Wahab<br>krisoft.engineer@yahoo.com | (T) 04 - 575 1085<br>(F) 04 - 575 1085 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Salehin Mohamed<br>pjd_403@ymail.com | (T) 017-427 1581 |
| **SEBERANG JAYA**<br>Abdul Jalil Che Ros<br>abjteguh@gmail.com | (T) 04 - 538 1460<br>013 - 489 3227<br>(F) 04 - 538 1460 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Hj Mohd Kamil Bin Abu Bakar<br>hjwanday@yahoo.com | (T) 012 - 4735774 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Asnah Binti Hashim<br>asnah_45@streamyx.com | (T) 019 - 472 6956 |
| **PULAU BETONG**<br>Hj Mohd Tuah Bin Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | (T) 019 - 570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Mohamad Shawal Ahmed<br>shawal_rnz@yahoo.com | (T) 04 - 644 7004<br>012 - 424 9004 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS & AMBULANS | 999 |
| BOMBA | 994 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| PENYELAMAT | 991 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| INFORMASI PENERANGAN | 04-643 0373 |
| WWC | 04-228 0342<br>04-397 1058 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-658 1122<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| PUSAT INFO PELANCONG | 04-261 4461 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERUNDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| JABATAN BURUH | 04-262 5536 |
| PERPUSTAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | 019 - 470 4800 | Rosidi Hussain |
| N2 | Bertam | 013 - 580 6981 | Asrol Sani |
| N3 | Pinang Tunggal | 019 - 421 5952 | Adnan |
| N4 | Permatang Berangan | 019 - 510 2633 | Arshad Md. Salleh |
| N5 | Sungai Dua | 019 - 477 6740 | Md. Fahmi Abd. Wahab |
| N6 | Telok Air Tawar | 017 - 427 1581 | Salehin Mohamed |
| N7 | Sungai Puyu | 012 - 528 8411 | Ng Ya Ling |
| N8 | Bagan Jermal | 013 - 449 0366 | Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan | 016 - 473 1963 | Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | 013 - 489 3227 | Abdul Jalil Che Ros |
| N11 | Permatang Pasir | 019 - 412 8442 | Kamal |
| N12 | Penanti | 04 - 522 1463 | Suhaimi Bin Mansor |
| N13 | Berapit | 019 - 481 7823 | Ong Kee Seong |
| N14 | Machang Bubuk | 019 - 546 3257 | Rynu |
| N15 | Padang Lalang | 04 - 502 5071 | Ooi Zhen Chee |
| N16 | Perai | 012 - 412 8451 | Mohd. Yusof Sahabudin |
| N17 | Bukit Tengah | 016 - 469 5343 | Amizuddin |
| N18 | Bukit Tambun | 016 - 442 0820 | Ong Eu Leong |
| N19 | Jawi | 017 - 408 4784 | Abdul Halim Yunus |
| N20 | Sungai Bakap | 012 - 415 2905 | Munir Bin Makhtar |
| N21 | Sungai Acheh | 012 - 473 5774 | Hj M. Kamil A.Bakar |
| N22 | Tanjong Bungah | 012 - 232 6101 | Carol |
| N23 | Air Putih | 04 - 829 0614 | Chiam Heng Hock |
| N24 | Kebun Bunga | 04 - 829 3691 | Nancy Lim |
| N25 | Pulau Tikus | 012 - 488 3227 | Joe |
| N26 | Padang Kota | 012 - 431 7015 | Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | 012 - 437 1522 | Wang Lai Kin |
| N28 | KOMTAR | 012 - 412 6284 | Adreena |
| N29 | Datok Keramat | 012 - 410 6566 | A. T. Ong |
| N30 | Sungai Pinang | 010 - 464 3308 | Anna |
| N31 | Batu Lancang | 012 - 480 3885 | Ooi Soo Chuan |
| N32 | Seri Delima | 012 - 486 2552 | Mr. Lingam |
| N33 | Air Itam | 012 - 493 3648 | Teh Choong Kong |
| N34 | Paya Terubong | 012 - 484 1963 | Toon Hoon Lee |
| N35 | Batu Uban | 012 - 409 7507 | A.Francis Xavier |
| | | 010 - 562 2004 | M. Sri Jaimuralydasan |
| N36 | Pantai Jerejak | 019 - 443 2088 | Victor |
| N37 | Batu Maung | 013 - 510 1968 | Latifah |
| N38 | Bayan Lepas | 019 - 472 6956 | Asnah Bt Hashim |
| N39 | Pulau Betong | 019 - 570 9500 | Hj Md Tuah Ismail |
| N40 | Telok Bahang | 012 - 424 9004 | Mohamad Syawal Bin Ahmed |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2011 (1 JAN. 2011 - 31 DIS. 2011)

| Nama | Telephone |
|---|---|
| En. Sim Chee Keong (DAP) stevensim@mpsp.gov.my | 012-590 75 07 |
| En. Oon Neow Aun (DAP) naoon@mpsp.gov.my | 016-46 57 498 |
| En. Teoh Seang Hooi (DAP) shteow@mpsp.gov.my | 019-412 99 96<br>04-594 1231 |
| En. Soon Lip Chee (DAP) lcsoon@mpsp.gov.my | 012-4290 163 |
| En. Visvanathan a/l Kumaran (DAP) (Perlantikan Baru) visvanathan@mpsp.gov.my | 012-477 6468<br>04-398 3242 (Tel)<br>04-502 1667 (Fax) |
| En. Ramachandran a/l M. Muthiah (DAP) ramachandaran@mpsp.gov.my | 012-412 84 51 |
| Puan Tan Cheai Peng (DAP) cptan@mpsp.gov.my | 012-48 68 092 |
| En. Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chanderasekeran@mpsp.gov.my | 012-5619870 |
| En. Mohamad Zainudin bin Othman (PKR) (Perlantikan Baru) mohamadzainudin@mpsp.gov.my | 013-45 47 009 |
| En. Ahmad Farid bin Md. Arshad (PKR) ahmadfarid@mpsp.gov.my | 019-540 9396<br>04-3979796 (Fax) |
| En. Johari bin Kassim (PKR) johari@mpsp.gov.my | 019-449 1450 |
| Abdul Latif bin Abdullah (PKR) abdul_latif@mpsp.gov.my | 019-560 57 55 |
| En. Bahktiar Appanai bin Yahya (PKR) bahktiarappandi@mpsp.gov.my | 017-568 3778<br>04-977 3982 |
| En. Lim Eng Nam (PKR) peterlim@mpsp.gov.my | 016-411 44 00<br>04-588 0818 (Tel)<br>04-588 0885 (Fax) |
| Puan Kusala Kumari @ Rynu a/p A. Shanmugam (PKR) kusala@mpsp.gov.my | 019-54 63 257 |
| En. Amir bin Md. Ghazali (PKR) amir@mpsp.gov.my | 013-584 8386<br>04-5211987 (Fax) |
| En. Ahmad Kaswan bin Kassim (PAS) ahmadkaswan@mpsp.gov.my | 019-40 84 899 |
| En. Lim Tau Hoong (NGO) thlim@mpsp.gov.my | 019-446 35 51 |
| Dr. Tiun Ling Ta (NGO) lttiun@mpsp.gov.my | 013-430 2096<br>04-508 0039 (Tel)<br>04-657 0918 (Fax) |
| En. Zulkiefly bin Saad (NGO) (Perlantikan Baru) zulkiefly@mpsp.gov.my | 013-43 62 848<br>04-538 6848 (Fax) |
| En. Loh Joo Huat (DAP) jhloh@mpsp.gov.my | 012-4221133 |
| En. Ong Koon Liak (DAP) klong@mpsp.gov.my | 012-4277868<br>04-530 0363 (Tel)<br>04-538 6950 (Fax) |
| Puan Sarina binti Hashim (PKR) sarina@mpsp.gov.my | 013-50 00 155 |
| En. Md Jamil Bin Abd Rahman PAS) mdjamil@mpsp.gov.my | 019-4490007 |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPPP 2011 (1 JAN. 2011 - 31 DIS. 2011)

| Nama | Telephone |
|---|---|
| Zulkifli bin Mohd. Noor (DAP) | 012-48 30 878 |
| Harvindar a/l Darshan Singh (DAP) | 012-428 22 50 |
| Tay Leong Seng (DAP) | 019-321 93 92 |
| Lim Siew Khim (DAP) | 016-531 60 26 |
| Lim Cheng Hoe (DAP) | 016-43 84 809 |
| Tan Hun Wooi (DAP) | 012-488 04 09 |
| En. Ong Ah Teong (DAP) | 012-4106566 |
| Ooi Keat Hin (PKR) | 016-41 71 331 |
| Francis a/l Joseph (PKR) | 012-47433 21 |
| Cik Ramlah Bee Binti Asiahoo (PKR) | 016-4222142 |
| En. Lim Boo Chang (PKR) | 04-2291579 (Tel)<br>04-2291578 (Fax) |
| En. Mohamed Yusoff Bin Mohamed Noor (PAS) | 04-6577464 (Tel)<br>012-4728114 |
| Encik Iszuree Bin Ibrahim (PAS) | 016-4433205<br>019-4507890 |
| Sr. Mohd. Zahry bin Shaikh Abdul Rahim (NGO) | 012-4726725 |
| Encik Teh Lai Heng (DAP) | 016-4459808 |
| Encik Gooi Seong Kin (DAP) | 016-4571271 |
| Encik Prem Anand a/l Loganathan (DAP) | 012-4122558 |
| Encik Tan Seng Keat (PKR) | 012-4386191 |
| Tuan Haji Mohd Rashid Bin Hasnon (PKR) | 019-4560077 |
| Muhammad Sabri Bin Md Osman (PKR) | 013-4320207 |
| Mohd Taufik Bin sulong (PKR) | 012-4380873 |
| Tahir Jalaluddin Bin Hussain (NGO) | 012-4635959 |
| Dr. Lim Mah Hui (NGO) | 012-4221880 |
| Encik Sin Kok Siang (NGO) | 016-4222255 |


**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

YAP LEE YING
ZULIANA AZIZ
NORSHAHIDA YUSOFF
AINUL WARDAH
ZAINULFAQAR

**Jurugambar:**
CHAN LILIAN
AHMAD FARHAN
LAW SUUN TING
MOHD. HAFIZ


sertai kami melalui "***sms blast***", taip "***ADD ME***"

019 357 9726,
Talian Pejabat 04-650 5550, 04-650 5375

sertai kami melalui "***emel blast***"
unitkomunikasipejabatkm@gmail.com
pejabatpenerangankm@gmail.com

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: suaracat@gmail.com

From: ***Jonathan***
Date: 09/26/2011 04:30PM
Subject: **Overhead Bridge Crossing Suggestion**

Dear Honorable Chief Minister,

I am very impressed with the Buletin Mutiara and was shock that the government gave free to the citizens.
Anyway thank you for the inplementation of the monthly newsletter.

Thanks & God Bless!

Regards,
Jonathan

From: ***see kok fai***
Date: Sun, Jul 17, 2011 at 9:35 AM
Subject: **THANK YOU CM**

The recent recognition given to the industrious staffs of the Municipal Council in Penang is long overdue and really worth applauding.

I have seen how these people worked. Drenched with sweat and smeared with filth.

It has been my dream to see these deserving people recognised and YOU, the honourable Chief Minister, have made my dream comes true! THANK YOU VERY MUCH !

Though this recognition may come a little too late, especially to those who may not be with us today, but my sincere appreciation and salutations goes to them and their beloved families also.

Please KEEP UP THE GOOD WORK !

With respects,
K F SEE (Penang)

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang 2011



26hb November
**18th Penang International Open Ballroom Dancing Competition**
Bayview Beach Resort, Penang



27hb November
**Penang Line Dance Carnival**
D'Piazza Event Hall, Bayan Baru



27hb November
**Penang Beach Carnival**
Golden Sands Beach Resort Hotel



1hb - 4hb Disember
**PNTC Equestrian Club House Show**
Penang Truf Club



1hb - 4hb Disember
**Penang Island Jazz Festival**
Batu Ferringhi, Penang



3hb Disember
**3rd Penang Rainforest Hash Challenge**
Teluk Bahang Forest Reserve



3hb - 4hb Disember
**Petronas AAM Malaysia Cub Prix**
Padang Kota Lama



10hb - 11hb Disember
**Penang Kayuh Lasak 2011 Mountain Bike Jamboree**
Balik Pulau Sports Complex



10hb - 11hb Disember
**Pesta Dragon Boat Race**
Teluk Bahang Dam



**Lanjutan Waktu Operasi Bukit Bendera & Keriangan Cuti Sekolah**
Lanjutan Waktu Operasi
Weekday: 6.30am – 8.00pm (keretapi terakhir dari stesen atas)
Weekend: 6.30am – 10.00pm (keretapi terakhir dari stesen atas)

Nota : Kaunter tiket akan ditutup 1 jam sebelum keretapi terakhir turun.



RUMAH agam Cheong Fatt Tze ataupun 'The Blue Mansion' yang telah dianugerahi sebagai salah satu daripada 10 Rumah Agam Terbaik Di Dunia ataupun '10 of the World's Greatest Mansions and Grand Houses' oleh Lonely Planet baru-baru ini.



WIRA-wira negara dari Nepal, Australia, Kanada, Thailand, Fiji, India, Indonesia, United Kingdom dan New Zealand menunjukkan tabik hormat bagi memperingati pejuang-pejuang yang terkorban dalam Perang Dunia I dan Perang Dunia II sempena Hari Peringatan Pejuang Veteran di Cenotaph, Padang Kota Lama.



SPEAKER
Halim Hu
1950-an p
gambar 'B



SEKUMPULAN pelajar ceria selepas menerima sumbangan pada Majlis Penyampaian Bantuan Pelajar Termiskin Sekolah-Sekolah Rendah Kawasan Parlimen Bagan di sini baru-baru ini.








SAMBUTAN Rumah Terbuka Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) baru-baru ini.



Isteri kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Betty Chew (duduk, kiri sekali) berbual mesra bersama Toh Puan Datuk Seri Utama Hajah Majimor Shariff.



Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul ssain memegang kamera antik tahun ada sidang media pelancaran pameran Black & White'.



ADUN Komtar (dua dari kiri) bersama Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong (paling kiri) dan Tay Leong Seng (tiga dari kiri) menunjukkan Pasar Chowrasta yang bakal dinaiktarafkan.



PENIAGA-peniaga di Pasar Air Itam gembira ekoran inisiatif Kerajaan Negeri menaiktaraf pasar berusia sekitar 100 tahun berkenaan.





Tuan Yang Terutama (tengah) memerhatikan Governer General Kanada, David Johnston menandatangani buku pelawat TYT di Hotel E&O semasa perjumpaan khas mereka. Turut hadir adalah Ketua Menteri Pulau Pinang (kiri sekali).

PEGAWAI-pegawai Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) yang turut menjayakan penganjuran Hari Peladang, Penternak, Nelayan dan Karnival Koperasi baru-baru ini





TIMBALAN Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman menyambut ketibaan Governer General Kanada di perkarangan Hotel E&O.



PRESIDEN Persatuan Melayu Pulau Pinang, Datuk Seri Mohd. Yusoff Latiff (kiri sekali) mengadakan perbincangan bersama YDP MPPP, Patahiyah Ismail (kanan sekali) dan YDP MPSP, Maimunah Mohd. Shariff (tengah).

# PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGERI































PESTA Pulau Pinang 2011
28 NOVEMBER 2011
hingga
1 JANUARI 2012
MASA:
6.00 petang ~ 11.30 malam
TEMPAT:
Tapak Pesta Sungai Nibong
Pulau Pinang
PROMOSI ARTIS DAN PROGRAM PESTA PULAU PINANG 2011
PERSEMBAHAN ARTIS
MEDITASI
BLACK MENTOR DAN 30 CENTS BAND
HAZAMA
AISUNAM
KONSERT DANGDUT MAYA
KRISTAL
SIXTH SENSE
ZAMANI SLAM
MAY
LEFTHANDED REUNION
XPDC
EZAD EXIST
KHALIFAH/SAKURA
RAJA LAWAK JAMBU DAN DARLING DANGDUT
PERSEMBAHAN ANTARABANGSA
PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN SUMATERA UTARA
ASIAPACIFIC ENTERTAINMENT & ACROBATIC TROUPE SHANGHAI
PERTANDINGAN SUKAN
BADMINTON TERBUKA MELAYU PULAU PINANG
PESTA TINJU 2011
KABADI
PENANG PESTA BADMINTON OPEN
PESTA MUAY THAI 2011
PERTANDINGAN BAKAT
BINTANG PESTA 2011
IDOLA PESTA CONTEST(CHINESE)
BINTANG KECIL PESTA 2011
PERTANDINGAN TEH TARIK
LAIN-LAIN PROGRAM
PERTUNJUKAN KUCING TERCANTIK
LC MOTOR SHOW
FESTIVAL BORIA
PESTA SILAT
*tertakluk kepada pindaan
Menarik Untuk Dikunjungi :-
• pertandingan tomoi
• pertunjukan ular
• taman tema Euro Fun Park
• pesta walk
• karnival membeli-belah
Untuk Maklumat Terkini, sila layari:
http://www.facebook.com/Pesta Pulau Pinang
Alamat Rasmi Penganjur:-
Jawatankuasa Induk
Pesta Pulau Pinang 2011
D/A Jabatan Kewangan Negeri
Tingkat 23, KOMTAR
Peti Surat 3007, 10990 PULAU PINANG
"jom pi PESTA"

TINTA PENGARANG

# Idea "SAMPAH" yang sudah dijangka

**REFORMASI** Kerajaan Negeri Pakatan Pulau Pinang yang mengamalkan urus tadbir cekap, akauntabel dan telus (CAT) telah berjaya mentransformasi negeri ini ke arah yang lebih bermartabat, mesra dan mantap untuk semua tanpa mengira kaum.

Anjakan paradigma ini terbukti apabila telah menyambung kembali nyawa Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk dihidupkan semula walaupun telah bankrap kerana pembaziran dan penyelewengan RM230 juta dalam tujuh tahun sebelumnya di bawah pemerintahan Barisan Nasional.

Kini, rakyat Pulau Pinang diperkenalkan dengan prinsip 3M - Martabatkan rakyat, Mesra perniagaan dan Mantapkan kedudukan kewangan negeri. Sebuah lagi agenda untuk terus memartabatkan negeri tumpuan negeri ini. Namun, agenda menghentam negeri ini khususnya pucuk pimpinan pakatan negeri juga tidak pernah kering. Sudah menjadi adat sesetengah kelompok manusia yang tidak suka melihat kemajuan atau kejayaan orang lain. Mungkin golongan ini lebih suka melihat bangsanya jatuh tersungkur dari bersama-sama memakmurkan negara ini. Jika hendak disenaraikan "hentaman" atau "tohmahan" semenjak Pakatan Rakyat mengambil tampuk pimpinan negeri pada 2008, sememangnya berkajang kertas diperlukan.

Rentetan daripada episod terus menghentam negeri ini, baru-baru ini sekumpulan kumpulan Mat Rempit berbaju kuning telah "berhimpun" di hadapan Dewan Undangan Negeri (DUN) sewaktu sidang berlangsung pada 31 Oktober yang lalu. Sedih dan pilu melihat golongan ini dipergunakan demi kepentingan atau agenda parti politik perdana sesetengah pihak. Cubaan untuk mencabar kedaulatan DUN bukanlah perkara baru, tapi sayangnya idea mempergunakan rakyat seperti ini boleh disifatkan sebagai sampah "sampah". Bagaikan inilah alternatif terbaik setiap kali sidang DUN berlangsung seperti berhimpun beramai-ramai, menggoncang dan memanjat pagar DUN, menghalang lalu lintas, terpekik melolong dengan bahasa kesat dan selain yang masih disifatkan sewaktu dengannya. Rakyat Pulau Pinang pun dah muak dengan lakonan "sampah" ini. Lanjutan dari lakonan perhimpunan ini, ada pula yang mengaku mereka adalah ahli PAS dan DAP sebagai salah satu babak klimaks dalam sebuah drama. Lebih menjijikkan, ada individu turut mendakwa dirinya sebagai "Ayahanda". Adakah penyertaan perhimpunan seperti ini "standard" seorang yang bergelar Ayahanda?

Berbaju kuning beramai-ramai bukanlah tanda mereka ini penyokong Pakatan Rakyat. Hanya disebabkan perhimpunan Bersih 2.0 yang lalu warna kuning terus di"ludah" sebagai warna Pakatan Rakyat. Harus diingat, kuning juga merupakan warna institusi kerabat di raja dan salah satu warna dalam bendera Malaysia. LGE juga turut menyatakan bahawa kuning adalah warna negeri. Perhimpunan ini bagaikan meludah ke langit kerana dahulunya warna ini adalah "pantang" namun kini "pantang" telah dilanggar. Bagi rakyat Pulau Pinang, mereka semakin arif dalam menilai kepimpinan negeri, malah, lakonan seperti ini akan menonjolkan lagi "kebijakpandaian" pemimpin UMNO sekarang. Tindakan manusia adakalanya menyebabkan "kebodohan" sukar diselindung.

Persoalannya, adakah setakat ini sahaja taraf pemikiran pemimpin tertentu dan kroni-kroni dalam merangka agenda untuk kembali merampas Pulau Mutiara? Jika berkuasa, apa pula episod drama sinetron mereka? Sama-samalah kita fikirkan.

*Putera Pulau*



SEBELUM




SELEPAS

# SJKT Azad: Tiada lagi bilik darjah lumpur

Oleh: **MOHD HAFIZ TAJUDIN**

**GEORGE TOWN –** Sejak tahun 1946, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Azad hanya beroperasi di sebuah bilik besar bawah tanah yang dibahagi menggunakan papan-papan biasa untuk dijadikan bilik-bilik darjah kecil bagi memuatkan kira-kira 85 pelajar.

Malah, 'bangunan' usang yang terletak di belakang bangunan Hindu Sangam tidak dibekalkan dengan keperluan asas dan sering menghadapi masalah banjir kilat.

Kini, hasil inisiatif Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang berjiwa rakyat, SJKT Azad telah memiliki bangunan dua tingkat yang mampu menampung 300 pelajar. Selain itu, bangunan tersebut turut mempunyai bilik berasingan untuk kemudahan perpustakaan, bilik komputer, bilik sains and stor.

Guru Besar SJKT Azad, P. Ambiga berkata, Kerajaan Negeri merupakan pihak pertama yang menyalurkan sumbangan untuk memperbaiki keadaan sekolah terbabit.

"Hasil sumbangan sebidang tanah bernilai RM1.4 juta daripada Kerajaan Negeri, kini, kami memiliki bangunan yang lebih selesa berbekalkan kelengkapan asas yang tidak pernah dirasai sebelum ini," katanya pada Majlis Penghargaan Kepada Kerajaan Negeri di atas pemberian tanah kepada SJKT Azad di sini baru-baru ini.

# Accelent buka kilang di Pulau Pinang

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BAYAN LEPAS –** *Accellent Incorporated* (AI) merupakan salah satu pembekal peranti perubatan terkemuka di dunia terutama dalam kejuruteraan dan pembuatan alatan perubatan kini telah mengumumkan pembukaan kilang pembuatannya yang berkeluasan 65,000 kaki persegi di Kawasan Perindustrian Bebas Bayan Lepas, Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

"Penubuhan kilang ini memainkan peranan penting dalam pasaran peranti perubatan di Asia memandangkan terdapat beberapa klien utama kami di rantau ini," ujar Danald Spence, Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif AI.

"Kami juga mengharapkan dengan adanya kilang pembuatan baharu ini akan membawa paradigma baru dalam penghasilan yang lebih cekap dan efisien," tambah beliau.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir merasmikan pembukaan kilang tersebut menzahirkan ucapan tahniah kepada Accellent Manufacturing Sdn. Bhd. kerana memilih Pulau Pinang sebagai lokasi penghasilan peranti perubatan terkemuka dunia.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini giat meningkatkan dan memperkukuhkan sektor peindustrian negeri yang bukan sahaja hanya tertumpu kepada penghasilan peranti elektronik dan elektrik malah turut mempelbagaikan industri penghasilan dalam semua lapangan," ujarnya dalam ucapan perasmian di sini baru-baru ini.

Tambah beliau lagi, sejak tiga tahun lalu, Pulau Pinang telah berjaya menarik perhatian para penggiat industri pembuatan dalam lapangan aeroangkasa, penghasilan lampu LED, bioteknologi dan peranti perubatan. Malah, dengan kewujudan AI di Pulau Pinang, ia mampu membuka ruang kepada para penggiat industri untuk menapak di Pulau Pinang.

AI merupakan salah sebuah syarikat pengeluar peranti perubatan terkemuka serta membekalkan peranti endoskopik, kardiologi serta orthopedik kepada Abbott Laboratories, Boston Scientific, Covidien, Johnson & Johnson, Medtronic, Smith & Nephew, St. Jude Medical dan Stryker. Malah AI memperoleh USD$507 juta pendapatan pada tahun 2010 jika dibandingkan pada tahun sebelumnya iaitu sebanyak USD$478.8 juta. Berpegang kepada prinsip "Helping People Live Better Lives", Kerajaan Negeri yakin AI mampu memperoleh pendapatan yang lebih lumayan setelah kilang tersebut siap sepenuhnya menjelang awal tahun hadapan.

Hadir sama dalam sidang media tersebut Pengarah Operasi AI Pulau Pinang, Chan Sek Foo; Pengarah Urusan Pemprograman, William Montague Jr.; Ketua Pengarah Eksekutif Penang Skills Development Corporation (PSDC), Boonler Somchit; Pengarah Malaysian Industrial Development Authority (MIDA) Pulau Pinang, Zabidah Daud dan beberapa wakil AI serta perwakilan industri Pulau Pinang.



**LIM Guan Eng (duduk) mencuba sendiri salah sebuah alat yang digunakan untuk pemotongan mikro peranti endoskopik sambil diperhatikan oleh Donald Spence dan Zabidah Daud.**

# DHL pilih Pulau Pinang

**BAYAN BARU –** Syarikat logistik terkemuka, DHL melihat Pulau Pinang sebagai lokasi pelaburan terbaik untuk mempertingkatkan rangkaian bekalan berdaya saing mereka.

Berlandaskan potensi tersebut, DHL buat julung kalinya telah melancarkan persidangan teknologi di negeri hari ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman berkata, Kerajaan Negeri berharap pelaburan tersebut akan membantu rakyat dan perniagaan antarabangsa di Malaysia mempertingkatkan kefahaman mereka berkenaan pengurusan rangkaian bekalan serta mengimplementasi inovasi yang lebih baik dalam mempertingkatkan persaingan di arena global.

"Umumnya, kegiatan pelaburan ini penting untuk terus meletakkan Pulau Pinang sebagai negeri bertaraf antarabangsa dan menjadi destinasi pelaburan terbaik," katanya pada majlis pelancaran persidangan di sini hari ini.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif '*Northern Corridor Implementation Authority*' (NCIA), Datuk Redza Rafiq menyatakan bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) mengendalikan urusan import eksport sebanyak dua kali ganda dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)

"Pulau Pinang juga merupakan negeri pelabuhan halal kedua di dunia selepas Rotterdam, Netherlands. Justeru, kita patut menghargainya," ujar beliau.



**PENGARAH Urusan DHL 'Supply Chain' (M), Ryan Tang (kiri) menyampaikan cenderamata penghargaan kepada Mansor Othman sempena penganjuran Persidangan DHL di sini baru-baru ini.**

# Lawatan Gabenor Victoria buka lembaran baru pelaburan negeri



**KETUA Menteri (kanan sekali) ditemani isteri, Betty Chew (dua dari kanan) bersalaman dengan Alex Chernov (kiri sekali) sambil diperhatikan isterinya, Elizabeth Chernov (dua dari kiri) sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

**ERAT...** Lawatan Gabenor Victoria, Yang Mulia Alex Chernov bersama isterinya ke Pulau Pinang bakal membuka lembaran baru pelaburan negeri Pulau Pinang.

Menurut Alex Chernov, persamaan perindustrian di antara Pulau Pinang dan Victoria di Australia iaitu pembuatan berteknologi tinggi, aeroangkasa dan automotif dapat menyediakan asas bagi kerjasama antara kedua-dua negeri pada masa hadapan.

Beliau telah berada di Malaysia selama dua hari bagi menghadiri *"Chinese World Economic Forum"* di Kuala Lumpur dan telah berkunjung ke negeri ini atas jemputan Ketua Menteri.

# PGC pemangkin inisiatif Hijau

**GEORGE TOWN –** Dalam merealisasikan visi mentransformasikan Pulau Pinang menjadi sebuah negeri yang bertaraf antarabangsa yang bukan sahaja menjadi pilihan para pelabur malah turut menjadi destinasi pelancongan unggul, penubuhan Penang Green Council Strategics Sdn. Bhd. (PGC) adalah wajar dan selaras dengan misi Kerajaan Negeri menjadikan Pulau Pinang lebih hijau dan bersih.

Objektif penubuhan PGC adalah untuk menjalankan aktiviti dan merealisasikan perancangan ke arah Pulau Pinang lebih hijau dan bersih. Malah penubuhan PGC juga dilihat sebagai salah sebuah platform untuk mengenal pasti, membincangkan serta mengadakan pembangunan penyelidikan dalam menzahirkan wawasan Kerajaan Negeri ke arah hijau dan bersih.

PENANG GREEN COUNCIL
PGC Strategies Sdn. Bhd. (95386-K)

Dalam sidang media Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini, beliau menyatakan bahawa pertandingan mencipta logo bagi PGC adalah untuk memberi ruang kepada kreativiti dalam menyertai serta berada seiringan dengan misi dan visi Pulau Pinang ke arah Pulau Pinang yang bersih dan hijau.

Malah ujar beliau, PGC bakal menjadi pemangkin ke arah menjadikan negeri Pulau Pinang lebih bersih dan hijau. Selain itu, PGC juga bakal diterajui oleh mereka yang sememangnya arif akan aspek-aspek perlu dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Bagi yang berminat untuk menyertainya silalah layari laman sesawang http://www.pgc.com.my bagi mendapatkan maklumat lanjut.






# Tiga sekolah kekalkan kejuaraan



**PARA pelajar menunjukkan hadiah berupa wang tunai, sijil serta trofi yang dimenangi.**

**SEBERANG PERAI –** Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Onn dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) (C) True Light yang telah menjuarai Anugerah Emas Sekolah Hijau pada tahun ini bagi kategori sekolah menengah dan rendah bahagian Seberang Perai wajar dijadikan sekolah contoh di atas kesungguhan mereka memelihara alam sekitar.

Budaya memelihara alam sekitar yang ditunjukkan oleh sekolah berkenaan selari dengan kempen Pulau Pinang Bersih dan Hijau oleh Kerajaan Negeri.

Pengetua SMK Dato' Onn, Calsom Ibrahim berkata, tanpa kesepakatan antara para guru dan pelajar, mustahil sekolah berkenaan berjaya mempertahankan kejuaraan itu dua kali berturut-turut.

Turut menerima Anugerah Emas adalah SMK Convent Bukit Mertajam dan SMK Berapit bagi kategori sekolah menengah dan Sekolah Kebangsaan (SK) Jawi dan SK Permatang Tok Kandu (kategori sekolah rendah).

Anugerah yang disampaikan di Auditorium Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) turut dihadiri oleh Ahli Majlis MPSP, Oon Neow Aun serta Pengarah Eksekutif Continental Automotive Components Malaysia Sdn. Bhd., Yen Siew San sebagai penaja program.

Tahun ini turut menyaksikan pertambahan penyertaan yang mana sebanyak 17 sekolah menengah telah mengambil bahagian sekolah rendah (19) berbanding tahun lalu, sekolah menengah (16) dan sekolah rendah (14).

Sementara itu, bagi bahagian pulau, turut mengekalkan kejuaraan bagi kategori sekolah menengah adalah SMK (Perempuan) Methodist manakala SJKC (Perempuan) China, kategori sekolah rendah.

Juara keseluruhan bakal diumumkan dalam majlis khas pada 17 Disember ini.

# Projek *'Toy Stories'* bangunkan kemahiran motor kanak-kanak

**AIR ITAM -** "Permainan bukan mainan semata-mata. Permainan sebenarnya membantu mengembangkan kreativiti dan imaginasi kanak-kanak," kata Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi pada pembukaan perpustakaan permainan di Pusat Jagaan Kanak-kanak Rifle Range di sini baru-baru ini.

Permainan kanak-kanak sering disalah erti oleh sebilangan ibu bapa dan masyarakat kerana dianggap boleh melalaikan dan menjejaskan proses pembelajaran kanak-kanak. Walhal, permainan sebenarnya membantu membangunkan kemahiran motor kanak-kanak jika dipilih dengan cara yang betul.

Oleh yang demikian, perpustakaan permainan kanak-kanak telah dibina di Pulau Pinang bagi menyebarkan nilai-nilai pendidikan yang terdapat pada mainan.

Menurut Pengerusi Projek 'Toy Stories' Pulau Pinang, Dr. Sim Joo Seng, apabila kanak-kanak bermain bersama-sama, mainan membantu mereka menjadi kawan tanpa mengira kaum. Semangat setiakawan dan saling membantu juga akan wujud dalam diri setiap kanak-kanak apabila mereka berkumpul bersama.

Sehingga kini, terdapat 12 buah perpustakaan permainan di sekitar negeri ini termasuk bahagian pulau bertempat di pusat jagaan kanak-kanak dan pusat komuniti terpilih.



**SEBAHAGIAN permainan kanak-kanak yang terdapat di perpustakaan permainan Pusat Jagaan Kanak-kanak Rifle Range.**

# Mantapkan B.Inggeris melalui *'Fun English Camp'*

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BALIK PULAU –** Pertubuhan Wanita Mutiara di bawah Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti dengan kerjasama Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Datuk Abdul Halim Hussain akan mengadakan *'Primary School Leavers Fun English Camp'* selama 3 hari bermula 5 Disember hingga 7 Disember ini.

Program yang akan bermula dari jam 9 pagi hingga 5 petang itu bakal berlangsung di Dewan Komuniti Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Balik Pulau.

Kem julung kali yang diadakan ini mensasarkan golongan pelajar lepasan tahun 6 sebagai persediaan kepada mereka untuk melangkah ke alam persekolahan menengah.

Objektif utamanya adalah menggalak dan meningkatkan mutu penguasaan setiap pelajar dalam Bahasa Inggeris termasuklah aspek pembacaan dan kemahiran penulisan, pembentukan perbendaharaan kata, penulisan cerita dan pembacaan papan cerita.

Di samping itu, kemahiran pemikiran kritikal, penyediaan penyampaian dan peletakan gambar turut akan diajar dan diterapkan bersama. Ianya juga adalah sebagai salah satu inisiatif dan usaha bagi membantu pelajar dari golongan keluarga yang berpendapatan rendah untuk menguasai serta memperkasakan kualiti Bahasa Inggeris mereka.

Seramai lima fasilitator yang berpengalaman luas dari *'Penang English Language Learning and Teaching Association'* (PELLTA) dan turut dibantu oleh Pertubuhan Wanita Mutiara akan bersama menjayakan kem ini.




**ISTERI Ketua Menteri Pulau Pinang, Betty Chew (empat dari kanan) bergambar bersama ahli jawatankuasa penganjur *'Fun English Camp'* selepas majlis sidang akhbar di Komtar baru-baru ini.**

# Wanita berketerampilan mampu tingkat produktiviti

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BUTTERWORTH –** "Fesyen merupakan gaya hidup wanita berkerjaya pada masa kini. Dengan berfesyen, wanita bukan sahaja tampak lebih yakin, malah, turut menaikkan semangat dalam melaksanakan tugasan harian," tegas perunding fesyen terkemuka, Joan Cheong, yang juga merupakan jurucakap fesyen di beberapa buah negara seperti di Taiwan dan Hong Kong.

Menurut Joan, fesyen bukan semata-mata berpakaian menarik tapi merangkumi pelbagai aspek termasuk pemilihan warna mekap, gaya rambut, jenis pakaian dan keyakinan untuk menggayakan pelbagai rekaan.

"Melalui pendekatan ini, ia dapat meningkatkan imej dan keyakinan wanita berkerjaya dalam berfesyen. Selain itu, turut menyarankan wanita menitikberatkan soal keterampilan diri dan mengetahui cara-cara yang tepat dalam berpakaian bagi meningkatkan keyakinan seseorang wanita moden," katanya pada penganjuran Bengkel Peningkatan Imej Wanita Dalam Kerjaya dengan kerjasama Nan Yang Siang Pao, Penang Entrepreneur Society (PES) dan JCI Pearl di Hotel Ixora di sini baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Wanita, Keluarga dan Komuniti Pulau Pinang, Lydia Ong Kok Fooi telah menyempurnakan majlis perasmian bengkel berkenaan.

Dalam pada itu, Kok Fooi turut berkongsi pengalaman beliau dalam berfesyen sebagai wanita berkerjaya. Beliau yang menggemari gaya santai mengakui bahawa tugas beliau sebagai salah seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah membawa beliau ke suatu pengalaman yang sangat berharga dalam berfesyen.

"Saya berharap agar wanita yang hadir dalam bengkel dapat merebut peluang ini dengan meningkatkan kebolehan dalam berfesyen, meningkatkan imej serta penampilan dan bertanyakan sebarang kemusykilan dalam berfesyen. Hal ini kerana, wanita yang berketerampilan mampu meningkatkan produktiviti dalam kerjaya," ujar beliau.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang, tambah beliau, berhasrat untuk mendidik wanita berkerjaya di Pulau Pinang untuk tampil lebih menarik, berkeyakinan dan lebih sihat dalam kehidupan seharian agar visi Pulau Pinang menjadi sebuah bandaraya yang bertaraf antarabangsa mampu bergerak seiring.

Beliau turut menyatakan bahawa, MMK Wanita, Keluarga dan Komuniti setiap tahun pasti mengadakan bengkel mahupun seminar buat wanita Pulau Pinang. Malah Kerajaan Negeri juga giat menjalinkan kerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan dalam penganjuran program-program yang berkaitan dengan wanita, keluarga dan komuniti.

# Tauke bukan musim durian

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **AHMAD FARHAN MOHAMAD FAUZI**

**DI** Balik Pulau, Pulau Pinang, durian hanya berbuah setahun sekali. Ketika itu, berlambak-lambak durian yang dijual di sepanjang jalan seluruh negeri ini sehinggakan tak habis dimakan.

Sebulan selepas itu, jualan durian kian berkurangan dan akhirnya menyepi. Sepanjang tempoh tersebut, pernahkan anda tertanya-tanya apa yang dilakukan oleh tauke-tauke durian yang sebahagian besarnya hanya bergantung kepada sumber pendapatan tersebut. Persoalan ini menarik minat Buletin Mutiara (BM) untuk mencungkil jawapannya.

Janjitemu penulis dan jurugambar BM telah ditetapkan oleh seorang kenalan pada petang hari. Kami dibawa memasuki satu lorong berlumpur dan selepas berjalan kira-kira 500 meter, kami akhirnya tiba di sebuah dusun durian yang amat luas terletak di lereng bukit Kampung Pondok Upeh, Balik Pulau.

Temuramah BM dengan Syed Kali Maricar (Syed), 51, yang bertanggungjawab dalam bahagian pemasaran dusun durian berkenaan diadakan di bawah sepohon pokok durian. Ouchhhh! jerit jurugambar BM. Tanpa diduga, pokok durian yang satu-satunya menjadi teduh kami rupa-rupanya turut menjadi pilihan sang kerengga untuk membuat sarangnya. Tidak tahan dengan gigitan serangga 'ganas' tersebut, kami kemudian beralih ke bawah pokok kelapa yang tidak kurang 'bahayanya' sekiranya nasib tidak baik.



**SYED Kali Maricar.**

Menurut Syed, pada musim durian, sebanyak 500 biji durian dapat dipungut untuk satu sesi kutipan (terdapat dua sesi kutipan iaitu pada jam 6.30 pagi dan 3 petang setiap hari) dan durian dijual pada kadar harga antara RM3 hingga RM10 sekilogram (kg) bergantung kepada jenisnya.

"Semua durian dijual menerusi sistem pawah iaitu keuntungan dibahagi dua dengan pemborong. Dalam tempoh sebulan (musim durian), untung bersih yang diperoleh adalah kira-kira RM10,000.

"Keuntungan tersebut adalah mencukupi untuk membuat putaran modal semula menjelang musim berbuah tahun hadapan,'' katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Syed memberitahu, pokok durian tidak memerlukan penjagaan yang rapi. Justeru, apabila tamat musim buah, apa yang perlu diberi perhatian adalah kerja-kerja menebas dan membaja.



**KANDANG lembu Ismail Darus.**



**SYED Kali Maricar menunjukkan dusun durian di bawah jagaannya di lereng bukit Kampung Pondok Upeh, Balik Pulau.**

"Pokok durian bukan jenis pokok yang 'manja'. Ia hanya perlu dibaja setahun sekali.'' jelasnya yang bertanggungjawab mengelola dusun yang mempunyai keluasan kira-kira 200 ekar.

Ditanya mengenai apakah cabaran 'menjaga' dusun durian, Syed menyatakan bahawa seseorang perlu kuat semangat dan berani terutamanya pada musim durian berbuah. Ini kerana, jelasnya, selain ancaman manusia, beliau serta pekerja-pekerja juga sering 'dikacau' makhluk-makhluk halus.

Sementara itu, bagi pemilik dusun, Ismail Darus, 71, apabila tamat musim durian, beliau akan membela lembu dan mengusakan kebun pisang miliknya. Sekali-sekala, beliau akan menebas hutan dan tabur baja jenis 'cows head 13-10-20+3S' di dusun seluas 12 ekar yang dipajak olehnya melalui perjanjian dua tahun sekali.



**ISMAIL Darus.**

Mengulas mengenai hasil jualan, Ismail atau lebih dikenali dengan panggilan 'Pak Mail' memberitahu bahawa apabila harga durian mahal, pendapatan yang diperoleh adalah banyak. Namun, apabila buah terlalu banyak dan harga pun kurang, pendapatan adalah tidak semewah yang diharapkan. Akan tetapi, perbelanjaan isi rumah tetap dapat ditampung.

"Saya dah pajak dusun ini lebih kurang 23 tahun. Terdapat kira-kira 70 pokok durian di sini jenis baka kampung. Apabila tiba musim durian, kira-kira 3,000 hingga 4,000 biji buah durian yang dapat dijual setiap musim,'' kata Haji.



**DUSUN durian.**

# Bajet Kerajaan Berjiwa Rakyat 2012 : Ke arah ekonomi mapan & selesa

**MAJALAH antarabangsa The Economist dan agensi berita Bloomberg sebelum ini mengiktiraf kejayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menguruskan ekonomi rakyat. Bajet "Kerajaan Berjiwa Rakyat" 2012 yang dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN) baru-baru ini turut memperoleh pelbagai reaksi daripada Ketua Bahagian Pendidikan, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Cikgu Mohd. Azmi Abdul Hamid. Wartawan ZAINULFAQAR YAACOB dan jurugambar MOHD. HAFIZ TAJUDIN ada butirannya.**

**BM : Bagaimanakah Cikgu melihat Bajet 'Kerajaan Berjiwa Rakyat' 2012 yang baru dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 28 Oktober lepas?**

**Cikgu Azmi :** Apakah rasional dan apakah kebaikan itu akan melahirkan kesan yang lebih baik atau sebaliknya tindakan Kerajaan Negeri memberikan RM100 kepada warga emas, OKU (orang kelainan upaya), dan ibu tunggal setiap tahun dan yang terbaru itu (RM100 untuk Program Anak Emas)?

Pada luarannya, saya melihat tindakan ini seolah-olah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan pusat cuba 'menyaingi' antara satu sama lain sumbangan kebajikan seperti umum bonus (minimum) RM600 apabila (kerajaan) pusat umum pemberian bonus RM500 sebelum ini. Namun, apa yang penting persaingan tersebut dapat memberi keuntungan kepada rakyat.

Mungkin apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri atau pusat hari ini (adalah) baik untuk rakyat pada hari ini. Tetapi, budaya populis yang baik ini mungkin akan memberi kesan sampingan seperti inflasi meningkat, kenaikan harga barang berlaku, belanjawan boros yang kesemua ini sedang dilihat secara realiti sekarang.



CIKGU Mohd. Azmi Abdul Hamid.

**BM : Pulau Pinang mencatatkan pelaburan asing langsung tertinggi (FDI) pada tahun lepas berbanding negeri-negeri lain, iaitu kira-kira RM12.2 bilion walaupun sasaran FDI 2011 lebih sederhana, iaitu RM6.1 bilion. Tidakkah Cikgu menganggap pemberian ini sesuatu yang wajar (untuk rakyat) berdasarkan rekod kejayaan negeri menarik pelabur asing?**

**Cikgu Azmi :** Sebenarnya ekonomi yang selesa dan mapan, tidak terlalu bergantung pada FDI (pelaburan asing langsung) kerana ikatan ekonomi FDI begitu longgar untuk menghadapi kemungkinan krisis ekonomi global kerana sebuah Kerajaan Negeri tidak ada cara lain kecuali memperkenalkan syarat-syarat yang begitu longgar atau tidak memberi risiko sama tara antara pelabur dan kerajaan (negeri) untuk menggalakkan mereka melabur di negeri ini.

Contoh, krisis ekonomi negara 1997, FDI yang longgar syaratnya. Pelabung asing boleh datang ketika ekonomi negara rancak dan pergi ketika negara berdepan krisis ekonomi. Pengangguran, inflasi, penguncupan ekonomi antara impak yang tidak dapat dielakkan lagi pada ketika itu.

**BM : Jika tidak bergantung pada FDI, apakah Cikgu mempunyai opsyen lain untuk dikongsi dengan Kerajaan Negeri?**

**Cikgu Azmi :** Kita tidak ada sumber pembalakan seperti Kedah, Kelantan, Perak atau Selangor. Mungkin itulah alasan kita bergantung pada FDI.

Rekod Kerajaan Negeri Pulau Pinang mencatatkan FDI tertinggi berbanding negeri-negeri lain iaitu RM12.2 bilion adalah sesuatu yang (wajar) diiktiraf dan saya tidak menolak pengiktirafan itu.

Tetapi, ekonomi yang mapan dengan tiada sumber mentah seperti Pulau Pinang sepatutnya mengutamakan pendapatan dari sektor perkhidmatan.

(Negara) Singapura umpamanya, meningkatkan sektor perkhidmatan dan menjana kepakaran berprestasi tinggi dalam sektor komunikasi, import eksport, penerbangan, R&D (Penyelidikan dan Pembangunan dan pergerakan NGO (badan bukan kerajaan) sesetengahnya juga hebat.

**BM : Secara tuntas, apakah harapan Cikgu kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam melaksanakan Bajet 'Kerajaan Berjiwa Rakyat' 2012?**

**Cikgu Azmi :** Nilaian rumah dan hartanah di negeri ini khusus di pulau sangat mahal seolah-olah sudah berlaku 'lambakan kapasiti' (kepadatan) penduduk.

Rakan saya seorang pensyarah di USM (Universiti Sains Malaysia) sendiri membeli rumah di Sungai Petani kerana harga rumah di 'pulau' begitu tinggi.

Pulau Pinang dikenali sebagai 'Pulau Mutiara'. Nostalgia itu perlu untuk rakyat dan anak negeri ini nikmati.

Didiklah rakyat supaya berbelanja secara berhemat.



CIKGU Mohd. Azmi Abdul Hamid ketika diwawancara wartawan BM.

# MPPP selesai kes sepanduk & papan iklan haram



DUA anggota Penguatkuasa MPPP memeriksa timbunan sepanduk dan papan iklan haram yang telah diturunkan di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Lebih 54,000 sepanduk dan papan iklan haram bernilai lebih dari RM10 juta telah diturunkan Penguatkuasa Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) sehingga September 2011 berbanding 58,994 unit pada tempoh masa sama tahun lalu.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Gantian Tetap Kesihatan Awam MPPP, Ong Ah Teong berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) kini mencari medium terbaik untuk menyelesaikan masalah sepanduk dan papan iklan haram (tanpa permit) yang berleluasa dipamerkan di sekitar kawasan-kawasan tumpuan terutamanya di simpang empat lalulintas berlampu isyarat.

''Pemasangan sepanduk dan papan iklan tanpa permit ini perlu dibuang dan dihentikan pemasangannya memandangkan ia boleh mendatangkan bahaya terutama kepada pengguna jalanraya seperti penunggang motosikal.

"Kebanyakkan sepanduk dan papan iklan ini digantung di kawasan laluan berlampu isyarat dan di tepi selekoh di sepanjang lokasi perumahan atau tempat tumpuan," beliau berkata selepas selesainya operasi menurunkan sepanduk serta papan iklan haram di sekitar kawasan Air Itam, Bandar Baru Air Itam dan Paya Terubong di sini semalam.

Tambah beliau, terdapat kes-kes di mana sepanduk atau papan iklan tertanggal dan jatuh lalu menimpa penunggang motosikal. Hal ini adalah disebabkan kebanyakkan sepanduk dan papan iklan tanpa permit dipasang tidak mengikut piawaian ditetapkan termasuk lokasi pemasangan yang berbahaya.

Dalam pada itu, Ah Teong turut menyarankan para pengiklan berkenaan dapat memperoleh permit agar pemasangan sepanduk mahupun papan iklan tidak membahayakan pengguna jalanraya sekaligus mengikuti piawaian pemasangan papan iklan.

"Sekiranya mereka (para pengiklan) mampu untuk berhabisan membuat sepanduk, kenapa tidak mereka memohon untuk mendapatkan permit dari PBT yang hanya memakan kos sekitar RM50?," beliau berkata.

Menurutnya, permit boleh diperoleh di pejabat-pejabat PBT dengan bayaran RM52 termasuk RM2 untuk borang, RM20 untuk permit dan RM30 deposit yang akan dipulangkan semula setelah tamat tempoh pemasangan permit.

# Kompaun RM550 premis kotor

Oleh : **ZULIANA AZIZ**



ONG Ah Teong menunjukkan ikan yang telah mati dijumpai bersama-sama ikan hidup di dalam tong yang sama.

**GEORGE TOWN –** Bertindak atas maklumat awam, Bahagian Penguatkuasa Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah menjalankan satu operasi mengejut terhadap sebuah kedai runcit yang didapati melanggar pelbagai peraturan perniagaan di Majestic Height, Paya Terubong, di sini baru-baru ini.

Di dalam operasi yang diketuai Pengerusi Jawatankuasa Gantian Tetap Kesihatan Awam MPPP, Ong Ah Teong dan Ahli Majlis MPPP, Prem Anand mendapati bahawa premis tersebut bukan hanya menjalankan perniagaan secara haram, malah, juga gagal menunjukkan lesen perniagaan.

Selain itu, hasil serbuan turut mendapati sebanyak 12 ekor ayam diletakkan di atas lantai di dalam tandas yang kotor dan menjijikkan. Terdapat juga tiga tong ikan hidup bergelumang di dalam air kotor bersama-sama ikan yang telah mati dan mereput.

Malah, operasi yang turut dihadiri seorang Inspektor Daging MPPP turut mendapati bahawa terdapat daging lembu yang telah busuk diletakkan di dalam bekas untuk dijual kepada orang awam.

Menurut Ah Teong, kesemua ayam dan ikan hidup dirampas oleh MPPP dan hanya akan dikembalikan selepas peniaga membayar kompaun.

"Adalah salah di sisi undang-undang sekiranya kedai runcit menjual daging atau ikan hidup. Cuma daging beku sahaja yang dibenarkan dijual," ujar Ah Teong selepas serbuan berkenaan di sini semalam.

Atas semua kesalahan tersebut, peniaga warga asing itu dikenakan kompaun sebanyak RM100 kerana kesalahan memelihara haiwan hidup di dalam premis, RM100 bagi kesalahan meletakkan barang di atas lantai, RM100 kerana premis kotor dan RM250 kerana tiada lesen berniaga yang sah.



BEBERAPA ekor ayam hidup yang dirampas ketika serbuan dibuat oleh Penguatkuasa MPPP di sebuah kedai runcit, di sini, baru-baru ini.

# Dasar baru pro-pekerja 2012 MPSP, gaji minima RM1,350

**SEBERANG PERAI –** Bagi membela kebajikan pekerja, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bakal memperkenalkan dasar baru dengan merombak semula kontrak pembersihan MPSP bermula tahun 2012.

Pada masa kini, pekerja paling rendah dalam MPSP adalah dalam kategori pekerja awam bergred R1, yang mana gaji permulaan mereka adalah kira-kira RM1,200 termasuk elaun tetap bulanan. Pekerja yang tergolong dalam kategori ini umumnya pekerja pembersihan.

Dengan elaun tambahan sebanyak RM150 yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjadikan pampasan keseluruhan pekerja gred paling rendah di MPSP adalah sekurang-kurangnya RM1,350 sebulan.

Menurut kajian ringkas, MPSP kini mempunyai kira-kira 2,000 pekerja pembersihan yang digaji di bawah kontraktor-kontraktor pembersihan swasta dan bergaji di antara RM600-RM750 sebulan. Manakala kebergantungan terhadap pekerja migran sangat tinggi, iaitu kira-kira 75 - 80 peratus daripada mereka adalah warga asing.

Justeru, pada tahun hadapan, MPSP telah mewajibkan kontraktor-kontraktor pembersihan swasta di bawah kontrak majlis mengambil sekurang-kurangnya 70 peratus pekerja mereka, iaitu warga tempatan. Gaji pokok pekerja ini pula perlu sekurang-kurangnya RM800, tidak termasuk elaun yang berhak diterima. Manakala gaji bulanan bakal mencecah RM1,000-RM1,100 sebulan jika ditambah elaun.

Lantaran itu, MPSP bakal mewujudkan lebih kurang 1,500 peluang pekerjaan kepada warganegara Malaysia dengan kadar gaji antara RM800-RM1,100 sebulan. Ini bukan sahaja mampu mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja migran tidak mahir sekaligus meningkatkan mutu perkhidmatan pembersihan, malah selaras dengan dasar pro-pekerja Kerajaan Negeri untuk mendukung masyarakat setempat terutamanya golongan berpendapatan rendah di negeri ini.

Dengan adanya peluang pekerjaan bergaji sederhana ini, maka masyarakat golongan terbawah sedikit sebanyak dilindungi daripada tempias angin kencang krisis ekonomi global.

# 17,809 pemilik gerai dapat lesen berniaga



PEMILIK gerai yang terdiri daripada pelbagai bangsa hadir pada sesi temuramah permohonan tapak meniaga di Bahagian Perlesenan MPPP di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Sehingga Julai 2011, sejumlah 508 buah gerai daripada 958 permohonan di seluruh negeri ini telah diluluskan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) untuk menghadiri sesi temuduga bagi kategori permohonan kompleks, pasar dan tapak penjaja sementara pada tahun ini.

Pada masa sama, sejumlah 17,301 buah gerai telah diluluskan permohonannya. Ini bermakna, sebanyak 17,809 gerai telah diluluskan sepanjang tempoh tiga tahun tampuk pemerintahan Pakatan Rakyat (PR) di negeri ini.

Menurut Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), L.Prem Anand, pada tempoh dua tahun, pemilihan dan proses temuduga dijalankan setiap bulan berbanding kerajaan terdahulu yang hanya menjalankan pemilihan setiap enam bulan ataupun setahun sekali.

"Proses temuduga dan pemilihan dijalankan berdasarkan prinsip Cekap, Akauantabel, Telus (CAT) iaitu cabutan undi dijalankan di hadapan khalayak ramai," ujarnya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Tambah Prem, beberapa faktor diberikan penekanan semasa proses pemilihan dijalankan iaitu orang kelainan upaya (OKU), ibu tunggal dan bekas tentera diberikan keutamaan. Selain itu, orang awam dan penggangur juga adalah layak untuk memohon.

"Kerajaan Negeri juga menyediakan ruang kepada peniaga yang tidak mempunyai permit sah untuk memohon dengan cara yang betul dan diberikan penempatan semula," jelasnya yang memegang Portfolio Kesihatan, Infra dan Lalulintas MPPP.

# MPSP seru prihatin kebersihan tandas awam

Oleh : **ZULIANA AZIZ**




SOON Lip Chee menunjukkan poster yang digunakan bagi kempen kesedaran mengenai pentingnya menjaga kebersihan tandas awam.

**SEBERANG PERAI –** Penggredan semula tandas awam yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) merupakan kempen terbaru yang dijalankan bertujuan menaiktaraf tahap kebersihan tandas awam sedia ada di kawasan Seberang Perai.

Menurut Ahli Majlis MPSP, Soon Lip Chee, pelbagai aduan dan rungutan telah diterima mengenai isu kebersihan tandas awam yang kotor dan tidak memuaskan terutama di stesen minyak, kompleks makanan MPSP dan pasar awam.

Perkara ini sedikit sebanyak telah menjejaskan nama baik dan reputasi MPSP kerana semua tandas awam berasingan milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tersebut adalah di bawah seliaan kontraktor MPSP.

Oleh itu, kontraktor baru telah dilantik melalui tender terbuka dan sistem penggredan menggunakan kaedah penarafan bintang telah diperkenalkan bagi menyeragamkan semua tandas awam di Pulau Pinang.

Sementara itu, pemilik premis perniagaan seperti restoran dan kedai makan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kebersihan tandas masing-masing. Jika disiasat, MPSP berhak untuk mengeluarkan kompaun sehingga RM500 kepada pemilik jika didapati gagal memenuhi syarat dan mengabaikan kebersihan tandas.

Bersempena dengan Hari Tandas Sedunia yang disambut pada 19 November 2011, MPSP mengalu-alukan orang ramai supaya lebih prihatin dalam menjaga kebersihan tandas bukan sahaja di kawasan Seberang Perai, malah di seluruh dunia demi menjamin kesejahteraan hidup semua pihak.

# MPPP sahut cabaran Hari Tandas Sedunia



ONG Ah Teong (kiri sekali) mendengar penjelasan daripada salah seorang pegawai MPPP berkenaan tandas 4 bintang di Lorong Kulit di sini baru-barui ini.

**GEORGE TOWN -** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah menyahut cabaran 19 November sebagai Hari Tandas Sedunia seperti yang diisytiharkan oleh Pertubuhan Tandas Sedunia (WTO) baru-baru ini.

Justeru, MPPP telah mengambil langkah proaktif memantau tandas-tandas awam supaya sentiasa bersih dan berada pada tahap terbaik.

Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong telah dibawa meninjau lokasi tandas-tandas awam oleh para pegawai MPPP di sekitar bandar ini bagi melihat kaedah serta prosedur perletakan gred sesebuah tandas.

Beliau berkata, memastikan tandas sentiasa bersih adalah aspek yang sangat penting untuk menangani masalah kesihatan berkaitan air.

WTO telah mencatatkan 40 peratus daripada populasi penduduk dunia kekurangan tempat pembuangan yang asas.

"Kekurangan ini menyebabkan 2.6 bilion penduduk terpaksa membuang najis secara terbuka dan membuang air kecil ke dalam sungai," kata pertubuhan berkenaan di laman sesawangnya.

Tabiat ini menyumbang kepada merebaknya penyakit berkaitan air seperti 'diarrhea, kolera' dan 'dysentry' yang boleh menyebabkan kematian. Manakala 2.2 milion kanak-kanak bawah 5 tahun telah meninggal dunia setiap tahun disebabkan wabak berkenaan.

# ADUN Seri Delima serius cegah denggi

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**SERI DELIMA –** Demi keselamatan rakyat, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer bersama-sama Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Komuniti (JKKK) Island Glades dan penduduk setempat telah mengambil inisiatif mengadakan pemantauan, pemeriksaan premis kediaman serta mengenal pasti kawasan pembiakan nyamuk Aedes dan tiruk di sekitar kawasan ini baru-baru ini.

Isu peningkatan dan langkah-langkah membendung permasalahan denggi telah lama diperkatakan. Walaupun kes-kes kematian yang dicatatkan adalah bermusim, tetapi bagi Rayer yang sering turun padang bergotong-royong bersama JKKK dan penduduk kawasan tersebut tidak pernah memandang enteng akan isu berkenaan.

Selain pemeriksaan tempat takungan air, penerangan tentang tatacara menguruskan premis agar bebas nyamuk turut diberikan. Malah, setiap premis yang dilawati diberi 'Abate' (temephos) iaitu sejenis serbuk organik yang digunakan untuk membunuh dan membantutkan pembiakan beberapa jenis serangga akua (*aquatic insects*) termasuk *'dracunculiasis'* (sejenis cacing) dan nyamuk.

Menurut Rayer, beliau berharap agar JKKK umumnya dan penduduk Seri Delima khasnya dapat memberi kerjasama dalam menangani pembiakan nyamuk Aedes dan menjadikan Seri Delima sebagai kawasan 'Denggi Sifar'.

Turut serta Pembantu Kesihatan Awam, Zaidi Alang dan Pekerja Rendah Awam, Thanabalan a/l Singaram.



**R.S.N. Rayer menyembur tayar-tayar buangan yang menjadi lokasi pembiakan nyamuk di sekitar kawasan DUN Seri Delima.**

# Sim Tze Tzin bantu mangsa ribut dalam tempoh 24 jam

**PANTAI JEREJAK –** Bantuan segera daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin dalam tempoh kurang 24 jam telah meringankan beban empat keluarga mangsa ribut di Kampung Sungai Nibong Besar di sini baru-baru ini.

Tze Tzin berkata, semua mangsa bencana telah menerima bantuan kewangan sebanyak RM800 dan diharap ia dapat mengurangkan beban mereka (mangsa) terutamanya untuk membaiki struktur bumbung yang rosak.

"Kejadian seumpama ini jarang berlaku, namun, saya tetap bersedia dengan pasukan bantuan bagi menghadapi bencana sebegini lagi dengan tujuan untuk meringankan beban mangsa" katanya ketika mengadakan lawatan ke Kampung Sungai Nibong Besar.

Dalam pada itu, beliau menyeru penduduk kampung supaya mengambil inisiatif sewajarnya dalam menghadapi bencana berkenaan yang boleh berlaku pada bila-bila masa.

Turut hadir bersama memberikan bantuan, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Mohd. Rashid Hasnon, Penghulu Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya, Zul Hazman dan isteri kepada Timbalan Ketua Menteri I, Datin Aishah Zainol.



**SIM Tze Tzin (tiga dari kanan) mengadakan perbincangan bersama mangsa-mangsa ribut Kampung Sungai Nibong Besar di sini baru-baru ini.**



**PROGRAM Ziarah Rumah ke Rumah yang diadakan baru-baru ini ternyata dapat meringankan bebanan penerimanya yang terdiri daripada ibu tunggal, warga emas dan orang kelainan upaya (OKU) di Kampung Permatang Tok Gelam. Pegawai Penyelaras KADUN Telok Air Tawar, Salehin Mohamed sendiri turun padang untuk menyampaikan sumbangan yang berupakan hamper keperluan dapur. Turut serta AMK Tasek Gelugor dan Pengerusi JKKK Permatang Binjai.**




**PASUKAN COMBI JKKK Titi Teras, KADUN Pulau Betong meraih tempat ketiga bagi kategori Persembahan Lisan Terbaik di Konvensyen COMBI Peringkat Kebangsaan 2011 yang diadakan di Hotel Holiday Villa Subang, Selangor. Pasukan tersebut memenangi hadiah berupakan wang tunai bernilai RM1,000.00 berserta sijil penyertaan. Hadiah disampaikan oleh Menteri Kesihatan Malaysia, Datuk Seri Liow Tiong Lai baru-baru ini.**

# Ratu Kebaya potensi produk pelancongan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BATU UBAN –** Inisiatif Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Badan Pengurusan Bersama Kompleks Bukit Jambul dan Kerajaan Negeri untuk memartabatkan pakaian tradisional telah memperlihatkan hasil melalui penganjuran Pertandingan Ratu Kebaya 2011 di sini baru-baru ini.

Penganjuran kali kedua tersebut telah mencapai objektifnya apabila seramai 60 orang peserta dari berbilang kaum telah mengambil bahagian dalam pertandingan yang diadakan pada 16 Oktober lalu.

ADUN Batu Uban, S.Raveentharan berharap berdasarkan sambutan yang diperoleh, beliau berharap penganjuran tersebut dapat dimasukkan ke dalam kalendar pelancongan tahunan dan menjadi salah satu program serta produk pelancongan Pulau Pinang pada tahun hadapan.

"Kebaya wajar diketengahkan secara meluas kerana mampu menjana pendapatan lumayan buat peniaga dan juga sekaligus menjana ekonomi," ujar beliau sambil berpendapat bahawa baju kebaya mempunyai ciri unik yang menjadi tarikan pelancong asing.

Manakala menurut Pengerusi Badan Pengurusan Bersama Kompleks Bukit Jambul, Chan Kean Hin, beliau amat berterima kasih di atas inisiatif Kerajaan Negeri berhubung usahasama penganjuran program berkenaan.

"Kebaya tidak seharusnya hanya dijadikan pakaian ketika menghadiri majlis keramaian, tetapi ia merupakan pakaian tradisional yang mempunyai nilai warisan dan keunikannya tersendiri. Justeru, ia wajar dipertahankan dan menjadi kebanggaan kita," ujarnya.




**PELBAGAI aksi peserta Pertandingan Ratu Kebaya 2011 baru-baru ini.**

# 25 mangsa ribut dapat bantuan 24 jam

**BERTAM –** Pantas, itulah istilah yang tepat untuk menggambarkan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat sentiasa peka dan efisien dalam melaksanakan tanggungjawab sosial kepada warga Pulau Pinang. Tidak sampai 24 jam, Kerajaan Negeri tampil memberi bantuan bencana kepada tiga buah keluarga di Permatang Pak Maras dan Permatang Sintok, di sini.

Dalam kejadian ribut yang melanda baru-baru ini, sejumlah 25 buah keluarga terlibat dengan pelbagai kerosakan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bertam. Tindakan pantas Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Bertam, Asrol Sani Abdul Razak, telah membolehkan tiga buah keluarga, dua di Permatang Pak Maras dan satu di Permatang Sintok menarik nafas lega.

"Pada malam kejadian, kami (PPK dan wakil JKKK) turun memberi sumbangan makanan dan wang tunai berjumlah RM1,000 setiap keluarga," ujar Asrol Sani.

Tambah beliau lagi, ketiga-tiga buah keluarga tersebut terpaksa dipindahkan ekoran rumah yang mereka diami musnah dan tidak selamat untuk diduduki. Mereka yang terlibat ialah Zakaria Salleh, 38, dan keluarga, Hisham Mohamad, 37, dan keluarga serta Mohd. Mat Saman, 61, dan keluarga.

"Anggaran kerosakan adalah antara RM3,000 ke RM20,000 setiap sebuah rumah. Walau bagaimanapun, bantuan tambahan akan dibuat selepas penilaian dan taksiran lengkap oleh Pejabat Daerah Kepala Batas," tambah Asrol Sani lagi.

Selain sumbangan bencana alam dari Kerajaan Negeri, semua 25 buah rumah yang terlibat turut menerima sumbangan dari Pejabat Daerah, Pusat Urusan Zakat (PUZ) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berdasarkan nilai taksiran kerosakan rumah-rumah berkenaan dalam tempoh terdekat.

Sumbangan susulan telah disampaikan oleh Pegawai Daerah Seberang Perai Utara, Jusni Ismail yang turut dihadiri oleh PPK Bertam, wakil-wakil Pejabat Daerah dan JKKK.



**KEADAAN salah sebuah rumah yang mengalami kerosakan akibat ribut di DUN Bertam di sini baru-baru ini.**





**AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer bertungkus-lumus membersihkan sisa-sisa banjir di kediaman salah seorang mangsa di Kampung Sungai Gelugor di sini baru-baru ini.**

# Bajet PR 3M: Bukan Bajet Pilihanraya kerana Bantuan Diberikan Setiap Tahun, Bukannya 5 tahun sekali!

## Mengutamakan Kesihatan Rakyat



Menubuhkan Pusat Dialisis CAT dengan harga subsidi RM30 bagi setiap rawatan dialisis di Balik Pulau

## Menghargai Jasa Pekerja PBT



Elaun tambahan khas **RM150 sebulan** kepada pasukan penguat-kuasa dan pekerja am MPPP & MPSP

## Perumahan Berkualiti & Mampu Milik Untuk Rakyat



**RM17.6 juta** untuk mengganti lif, paip air, kabel elektrik dan lampu di rumah pangsa Kerajaan Negeri, serta pembinaan rumah rakyat termiskin

Pembinaan rumah mampu milik berkualiti di tanah seluas 200 ekar di Batu Kawan yang bernilai di antara RM72,500 - RM220,000

## Pengurusan Kewangan Yang Cekap



Lebihan Belanjawan (surplus) setiap tahun sejak mengambil alih pentadbiran pada tahun 2008

Menyelamatkan MPSP yang hampir bankrap setelah pembaziran dan penyelewengan RM230 juta oleh BN

## Bonus CAT



Bonus akhir tahun setengah bulan gaji atau bayaran **minima RM800**

Sumbangan **RM300** kepada guru KAFA

## Pencapaian Pulau Pinang Diiktiraf Antarabangsa




Pelaburan tertinggi di Malaysia pada tahun 2010 dengan RM12.2 bilion, menyumbang 36% daripada pelaburan asing (FDI) negara

Kejayaan Pulau Pinang diperakui dan diiktiraf majalah ekonomi antarabangsa ***The Economist*** dan agensi berita ***Bloomberg***